# قليتا بروني PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


**MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان**

**DARIPADA Abu Bakrah berkata, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Tidak ada dosa yang Allah lebih mempercepatkan seksaan kepada pelakunya di dunia serta yang tersimpan untuknya di akhirat selain perbuatan zalim dan memutuskan tali silaturahim". - (Hadis Riwayat Imam at-Tirmidzi)**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.14 | DUHA 6.36 | ZUHUR 12.22 | ASAR 3.30 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.37

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 70 BILANGAN 45 | 14 APRIL 2025 / 1446 شوال 15 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


# AIDILFITRI MEMPERKUKUH PERPADUAN, SILATURAHIM



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.**

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**

**BERAKAS,** Sabtu, 12 April. - Amalan yang baik ini perlu diteruskan untuk menyuburkan lagi perpaduan dan sikap hormat-menghormati serta amalan bantu-membantu dalam kalangan masyarakat kita.

Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberikan contoh terbaik dalam meraikan Aidilfitri dengan cara Baginda itu berangkat ke masjid bagi menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri dan kembali ke rumah dengan melalui jalan-jalan berbeza, supaya Baginda dapat berjumpa dengan ramai orang dan sekali gus dapat bersilaturahim dengan mereka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**>> Muka 2**

# Kebawah DYMM akan berangkat hadiri Majlis Santapan Diraja

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 14 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Sambutan Jubli Perak Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis yang akan berlangsung pada 17 April 2025 di Perlis, Malaysia.

**>> Muka 10**

# Meluaskan kesalinghubungan, manfaatkan transformasi digital

**Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**KUALA LUMPUR, MALAYSIA,** Sabtu, 12 April. – Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN Ke-12 dan Gabenor Bank Pusat (12th AFMGM) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan telah diadakan pada 7 hingga 10 April 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Hadir pada mesyuarat tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut dimulakan dengan dialog antara Menteri-menteri Kewangan ASEAN dan wakil-wakil serta Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN dengan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC), Majlis Perniagaan ASEAN - Kesatuan Eropah (EU-ABC) dan Majlis Perniagaan ASEAN - Amerika Syarikat (US-ABC).

Dialog-dialog tersebut memberi tumpuan kepada kemajuan kerjasama di antara pihak awam dan swasta berikutan cabaran geo-ekonomi, antara lain melalui memacu kemampanan, meluaskan kesalinghubungan dan memanfaatkan transformasi digital di ASEAN untuk pertumbuhan jangka panjang rantau ini.

Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN serta wakil-wakil juga menyertai Sesi Dialog dengan Institusi Kewangan Antarabangsa (IFI) termasuk International Monetary Fund, World Bank, Asian Development Bank dan Centre of Economic Policy Research. Perkembangan mengenai tinjauan global dan serantau dibentangkan untuk mewujudkan konteks bagi Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN untuk membincangkan dan bertukar pandangan mengenai perkembangan dasar perdagangan terkini dalam membentuk rantau ASEAN yang lebih kukuh dan berdaya tahan.

**>> Muka 11**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



**RAMAH mesra Aidilfitri eratkan silaturahim**

**Muka 14**



**19 Ahli MPK Kawasan 3 Lambak Kanan terima surat lantikan**

**Muka 18**




**PEMENANG bertuah BIBD Aspirasi 7 terima hadiah**

**Muka 26**



RENCANA

**TRADISI Rumah Terbuka**

**Muka 28**

PELITA BRUNEI

# Aidilfitri memperkukuh perpaduan, silaturahim



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman**

**>> Muka 1**

Terdahulu, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana limpah rahmat-Nya jua, dapat meraikan hari kemenangan umat Islam, Hari Raya Aidilfitri, dengan penuh kegembiraan.

Aidilfitri titah baginda, seharusnya kita sambut dengan mengikut syariat ugama Islam, antaranya untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan silaturahim, bermula dari peringkat keluarga, jiran tetangga, rakan taulan dan masyarakat pada amnya.

"Beta menyambut baik tema Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan beta pada tahun ini iaitu 'Perpaduan Masyarakat Dalam Mencapai Aspirasi Negara'.

"Perpaduan memang sangat penting dalam memastikan negara aman dan harmoni serta pembangunan dapat berjalan lancar dan berjaya. Kerana itu adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memelihara dan mengekalkan keamanan dan keharmonian," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah sangat mengalu-alukan kehadiran para peserta yang terdiri daripada beberapa kumpulan masyarakat yang dilihat memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Usaha dan inisiatif mereka ke arah memperkasa pembangunan ini amatlah dihargai.

Tidak dinafikan, zaman yang kita lalui sekarang, titah baginda lagi, telah dan sedang mempengaruhi sebahagian besar daripada gaya hidup kita. Namun dalam titah, kita tetap dituntut untuk mengekalkan tradisi sosial yang diwarisi sejak turun-temurun dan ia tidak boleh lenyap dalam era dan arus moden.

Kebawah DYMM dalam titah menegaskan sikap dan nilai *berawar galat* orang Brunei, saling hormat-menghormati, sayang-menyayangi, bertolak ansur dan saling bantu-membantu adalah perlu dikekalkan, tidak boleh sumbing, apatah lagi hilang.

Dalam masa yang sama, titah baginda lagi, kita juga tidak dapat menyangkal kesan globalisasi terhadap pembangunan dan sosioekonomi.

"Di sinilah perlunya ketua-ketua masyarakat daripada pelbagai peringkat untuk mengambil langkah-langkah positif dengan mengadaptasi kemajuan lebih berkesan untuk negara. Semua diambil kira mengikut aliran zaman dan pendekatan-pendekatan juga hendaklah praktikal serta bersesuaian.

"Beta ingin melihat semua usaha dapat diperluaskan melalui program-program lebih teratur dan berkesan untuk membawa negara mencapai kemajuan yang sempurna sebagaimana dihasratkan oleh Wawasan Brunei 2035," titah baginda.

## WAKTU SEMBAHYANG

| APRIL MASIHI | HARI | SYAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 14 | ISNIN | 15 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.22 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |
| 15 | SELASA | 16 | 4.45 | 4.55 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |
| 16 | RABU | 17 | 4.45 | 4.55 | 6.13 | 6.36 | 12.21 | 3.31 | 6.27 | 7.37 |
| 17 | KHAMIS | 18 | 4.44 | 4.54 | 6.13 | 6.35 | 12.21 | 3.31 | 6.27 | 7.37 |
| 18 | JUMAAT | 19 | 4.44 | 4.54 | 6.12 | 6.35 | 12.21 | 3.32 | 6.27 | 7.37 |
| 19 | SABTU | 20 | 4.43 | 4.53 | 6.12 | 6.35 | 12.20 | 3.32 | 6.27 | 7.37 |
| 20 | AHAD | 21 | 4.43 | 4.53 | 6.12 | 6.34 | 12.20 | 3.32 | 6.27 | 7.37 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 / 24 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 32 / 25 °C |
| Pekan Tutong | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C | 32 / 25 °C |
| Kuala Belait | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C | 32 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 14 APRIL 2025

### Pemakanan sihat kunci kesejahteraan hidup

**MESKIPUN** bulan Syawal menuju ke minggu ketiga, kemeriahannya tetap terasa dengan jemputan-jemputan rumah terbuka daripada kaum keluarga dan sahabat handai masih diadakan. Kita perlu bersyukur kerana diberikan kesempatan untuk meraikan kemeriahan Aidilfitri bersama keluarga tercinta.

Rumah-rumah Terbuka lazimnya dihidangi dengan juadah yang bermacam-macam jenis tidak kira masakan kampung atau tradisi dan ada juga mempelbagaikan menu masakan dengan menyajikan masakan Barat.

Namun, dalam menikmati juadah makanan di Rumah Terbuka tersebut, kita perlu ingat untuk sentiasa menjaga pemakanan bagi mengelakkan penyakit-penyakit yang tidak diingini timbul.

Perkara yang perlu diberi perhatian semasa menghadiri Rumah Terbuka adalah keseimbangan, kesederhanaan dan kepelbagaian.

Setiap juadah yang diambil haruslah pelbagai dan memenuhi diet seimbang dalam kuantiti sederhana terutama bagi pesakit yang mempunyai penyakit kronik bagi mengelakkan timbulnya masalah lain.

Kunci untuk memperoleh kesihatan yang optima ialah menjaga pemakanan. Agama Islam telah menggariskan formula pemakanan sihat: makan jangan berlebihan, makan ketika lapar, berhenti sebelum kenyang, perut diisi dengan 1/3 makanan, 1/3 air dan 1/3 lagi untuk pernafasan.

Dengan menerapkan pemakanan yang sihat adalah penting dan mustahak dan ia mampu mengoptimakan kesihatan kita agar kita tidak malas dan lalai mengerjakan ibadah wajib.

Kementerian Kesihatan juga turut menekankan mengenai penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti penyakit kardiovaskular, diabetes, penyakit pernafasan kronik serta kanser.

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada NCD ialah pemakanan yang tidak sihat.

Untuk kekal sihat sepanjang Hari Raya ialah dengan meminum minuman kurang manis atau air kosong sebagai minuman pilihan utama; pilih makanan yang rendah kalori seperti buah-buahan serta makanan kurang minyak, lemak dan santan; hadkan pengambilan makanan yang manis dan berlemak seperti biskut dan kek.

Dalam pada itu juga, kita perlu amalkan konsep mengawal pemakanan semasa menikmati juadah Hari Raya iaitu dengan memilih hidangan dalam saiz yang kecil dan mengikut saiz hidangan yang disarankan serta hadkan pengambilan makanan yang tinggi kandungan garam seperti keropok.

Oleh itu, kita hendaklah menjadikan tahap kesihatan kita satu keutamaan bukan sahaja pada Hari Raya tetapi pada hari-hari biasa juga agar kita dapat melaksanakan kerja-kerja harian sebaik mungkin dan melakukan aktiviti fizikal seperti bersenam perlu seiring dengan menjaga pemakanan seharian kita. **- Ketua Penyuntingan (Kr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI RAYA YSHHB ERATKAN IKATAN PERPADUAN





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) (atas, kanan dan bawah kanan).**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman**

**BERAKAS**, Sabtu, 12 April. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB, Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Pemangku Pengarah Pengurusan YSHHB.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Ini diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

>> Muka 4







**ANTARA yang berangkat dan hadir ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446H / 2025M (atas kiri, atas kanan dan bawah tengah). Manakala gambar bawah kiri, antara yang menyertai persembahan. Sementara gambar bawah kanan, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**










**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446H / 2025M.**

**>> Muka 3**

Pada kemuncak majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah.

Acara kemudian diteruskan dengan tayangan video bertajuk 'Perpaduan Masyarakat Dalam Mencapai Aspirasi Negara' yang memperlihatkan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat dalam melaksanakan program-program kesukarelawanan, kemasyarakatan dan pembangunan kapasiti dan sosioekonomi masyarakat ke arah membina masyarakat Brunei yang bersatu padu dan berjaya sejajar dengan pendekatan senegara yang mantap Whole of Nation Approach bagi mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Majlis diserikan dengan persembahan pentas daripada para pelajar Sekolah YSHHB iaitu gabungan daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-kanak, murid-murid sekolah rendah dan penuntut-penuntut sekolah menengah dengan pimpinan tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Sejurus selesai, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lain seterusnya berkenan beramah mesra dengan semua peserta yang hadir sebelum dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berserta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung bagi menyaksikan pameran dan beramah mesra bersama para peserta.

Sebanyak 20 buah agensi dari sektor kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan menyertai pameran dengan memperlihatkan inisiatif dan program masing-masing dalam menyokong perpaduan sosial dan pembangunan negara seperti melalui program-program komuniti, perusahaan sosial, pendidikan, kaunseling dan inovasi teknologi.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri itu merupakan kali ke-21 dianjurkan oleh YSHHB sejak ia mula diadakan pada tahun 2003.

**>> Muka 5**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra bersama para peserta (atas dan kanan).**





**MAJLIS diserikan dengan persembahan pentas daripada para pelajar Sekolah YSHHB iaitu gabungan daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-kanak, murid-murid sekolah rendah dan penuntut-penuntut sekolah menengah dengan pimpinan tenaga pengajar sekolah berkenaan (kiri sekali dan kiri).**




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 4

Majlis ini mengumpulkan para peserta daripada latar belakang yang berbeza setiap tahun dalam memberikan kesempatan kepada mereka untuk bersua muka dan beramah mesra dengan raja yang sangat dikasihi dan menyembahkan junjung kasih Kehadapan Majlis baginda dalam suasana yang lebih mesra dan meriah.

Para peserta yang diketengahkan pada setiap tahun adalah terdiri daripada kumpulan masyarakat yang dikenal pasti dapat memberikan kepentingan dalam menjana kesejahteraan, kebajikan dan kepentingan kepada agama, raja, bangsa dan negara.

Dengan tema majlis tahun ini 'Perpaduan Masyarakat Dalam Mencapai Aspirasi Negara', mencerminkan komitmen YSHHB untuk menyemarakkan semangat kerjasama, kesatuan, dan keharmonian dalam kalangan masyarakat iaitu dengan menyatukan pelbagai lapisan masyarakat, bagi mewujudkan sinergi yang kuat ke arah mencapai kemajuan bersama, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Dalam mendukung tema tersebut, YSHHB mengetengahkan beberapa kumpulan peserta yang memainkan peranan penting dalam mendekati dan memahami serta mendepani keperluan masyarakat secara lebih mendalam.

Mereka merupakan saluran utama dalam merakit dan menyantuni, merapatkan hubungan, dan membimbing ahli-ahli masyarakat ke arah pembangunan yang lebih holistik.

Turut berangkat dan hadir pada majlis itu ialah Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para jemputan khas.






SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda ke majlis berkenaan (atas, kiri dan bawah kiri).





KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan bergambar ramai bersama para peserta.

# KUKUHKAN SEMANGAT PERPADUAN MEREALISASIKAN ASPIRASI NEGARA

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman**

**BERAKAS**, Sabtu, 12 April. - Tema Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ialah 'Perpaduan Masyarakat Dalam Mencapai Aspirasi Negara' mencerminkan komitmen YSHHB untuk menyemarakkan semangat kerjasama, kesatuan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat iaitu dengan menyatukan pelbagai lapisan masyarakat, bagi mewujudkan sinergi yang kuat ke arah mencapai kemajuan bersama, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB menyembahkan, menjadi lambang pembentukan dan perpaduan masyarakat dan Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur juga merupakan salah satu komponen yang telah digariskan dalam Dasar Penubuhan YSHHB.

"Dalam mendukung tema tersebut, Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik mengetengahkan beberapa kumpulan peserta yang memainkan peranan penting dalam mendekati dan memahami keperluan masyarakat secara lebih mendalam.

"Mereka merupakan saluran utama dalam merakit dan menyantuni, merapatkan hubungan, dan membimbing ahli-ahli masyarakat ke arah pembangunan yang lebih holistik," sembah Yang Berhormat pada majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sembah Yang Berhormat, kumpulan pertama mewakili komuniti tempatan di peringkat akar umbi yang memahami keperluan dan aspirasi penduduk setempat ke arah mengukuhkan nilai kerohanian, keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

Yang Berhormat menyembahkan, mereka terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir dan Belia Masjid dan Surau, Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berserta Biro Belia dan Keselamatannya dan juga Jawatankuasa Pengawas dan Kejiranan.

Kumpulan peserta kedua pula sembah Yang Berhormat lagi terdiri daripada para Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana serta syarikat koperasi tempatan yang melaksanakan program pembangunan ekonomi dan pembinaan kapasiti bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ke arah membina masa depan masyarakat yang mampan dan berdaya tahan.

Manakala sembah Yang Berhormat, Kumpulan Ketiga pula terdiri daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisations – NGOs) yang melaksanakan program rehabilitasi dan sosioekonomi bagi membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat yang memerlukan bantuan.

"Komitmen dan peranan kesemua kumpulan peserta ini setentunya dapat memberikan impak positif terhadap keharmonian dan kesejahteraan masyarakat yang bersatu padu, berdaya tahan, inklusif dan dinamik bagi mencapai aspirasi negara Wawasan Brunei 2035," sembah Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya menyembahkan, sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat-kerabat diraja adalah merupakan suatu kurnia yang sangat bermakna dan disanjung tinggi dalam memberikan suntikan semangat kepada YSHHB untuk mengungkayahkan majlis berkebajikan ini pada setiap tahun dengan mengetengahkan beberapa kumpulan peserta yang berbeza.

Yang Berhormat menyembahkan, mereka adalah merupakan kelompok-kelompok masyarakat yang telah dikenal pasti sedang dan telah melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing ke arah menyumbang kepada pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).**

Sembah Yang Berhormat lagi, limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke majlis ini berserta kerabat-kerabat diraja juga merupakan suatu yang amat bermakna dan istimewa bagi memberikan peluang keemasan kepada para peserta khususnya YSHHB serta jemputan-jemputan lainnya untuk bersua muka, beramah mesra serta menjunjung ziarah dengan seorang raja berdaulat yang sangat dikasihi di suasana keriangan Syawal.

Amat istimewa dan sangat dinanti-nantikan sembah Yang Berhormat adalah kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang penuh hikmah, nasihat dan panduan untuk diamati, dihayati dan seterusnya ditanai sebagai sumber inspirasi dan pemangkin semangat kepada pihak yayasan, para peserta serta hadirin dan hadirat yang lainnya dalam melaksanakan peranan masing-masing.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan, bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri untuk kali yang ke-21 tahun ini, YSHHB menerbitkan sebuah buku khas bertajuk 'Titah-Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran YSHHB 2003 -2024'.

Sembah Yang Berhormat, buku itu mengumpulkan sebanyak 20 titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB sejak tahun 2003 yang merupakan suatu khazanah berharga yang akan dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam sama-sama mendukung aspirasi negara mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat kemudian menyembahkan, atur cara majlis juga seperti tahun-tahun sebelumnya diserikan dengan acara persembahan yang meriah dan warna-warni daripada seramai 176 orang pelajar Sekolah dan Taman Asuhan Kanak-kanak YSHHB.

Dalam mendukung tema sambutan pada tahun ini, sembah Yang Berhormat lagi, sebanyak 22 agensi dari sektor kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan menyertai pameran dengan memperlihatkan inisiatif dan program masing-masing dalam menyokong perpaduan sosial dan pembangunan negara, seperti melalui program-program komuniti, perusahaan sosial, pendidikan, kaunseling dan inovasi teknologi.

"Pameran ini menggambarkan kepentingan sinergi antara semua sektor dalam mengukuhkan semangat perpaduan bagi merealisasikan aspirasi negara, dengan memberi penghargaan kepada usaha kolektif yang mendorong pembangunan sosioekonomi dan mencapai kejayaan sebagai masyarakat yang bersepadu dan berdaya tahan," sembah Yang Berhormat.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat juga menyembahkan di sepanjang tahun lalu dan tahun 2025 ini, beberapa buah Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Besar negara sahabat di Negara Brunei Darussalam masing-masing Australia, China, Malaysia, Republik Indonesia, Republik Singapura dan Turkiye turut sama bergiat aktif di dalam memberikan sumbangan bermakna pada menjayakan pelbagai projek kemasyarakatan dan kebajikan kelolaan YSHHB.



**SEMBAH alu-aluan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.**





**ANTARA yang hadir ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446H / 2025M (kiri dan kanan).**

# KECERIAAN PERSEMBAHAN WARNAI HARI RAYA YSHHB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung bergambar ramai bersama para peserta yang terlibat dalam persembahan.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BERAKAS**, Sabtu, 12 April. - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) diserikan dengan persembahan pentas berwarna-warni pada acara berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Persembahan yang ditunjukkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dipersembahkan daripada para pelajar Sekolah YSHHB iaitu gabungan daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-kanak, murid-murid sekolah rendah dan penuntut-penuntut sekolah menengah dengan pimpinan tenaga pengajar YSHHB.

Mengetengahkan tiga segmen, persembahan pertama berjudul 'Perpaduan Masyarakat Mencapai Aspirasi Negara' yang menceritakan tentang Ketahanan (Resilience) dengan memfokuskan kepada harapan pada masa depan ke arah mencapai aspirasi negara Wawasan Brunei 2035.

Bermula dengan peranan ibu bapa, menyalakan 'harapan dan impian' dalam diri anak kecil melalui pengetahuan dan imaginasi. Ia adalah benih yang ditanam dalam diri setiap rakyat tempatan.

Walaupun pada usia muda, kanak-kanak mewujudkan harapan dan impian tersebut dalam kehidupan seharian mereka dan selain itu, ia juga lambang ketahanan yang ditanai oleh setiap generasi ke arah cabaran yang semakin meningkat.

Segmen itu juga menceritakan walaupun berbeza umur, latar belakang, warna kulit, etnik atau kewarganegaraan, namun semua bersatu bersama ke arah aspirasi yang sama iaitu 'harapan dan impian' berkenaan.

Manakala sinopsis segmen kedua ialah 'YSHHB Menjana Kesejahteraan Rakyat' yang menceritakan tentang harapan.

Cerita segmen berkenaan memfokuskan bagaimana seorang bernama Hidayat merupakan pegawai di YSHHB, mengimbau kenangannya, di tengah-tengah perjuangannya dahulu di mana YSHHB memberinya harapan dan peluang yang mengubah hidupnya.

Selaku seorang wakil YSHHB memberinya peluang sebagai anak muda daripada golongan kurang berkemampuan untuk mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Selain itu, persembahan ini mengimbas kembali bagaimana penyertaannya sebagai sukarelawan, belia masjid dan PKBN dalam membantu membentuk sahsiahnya secara holistik untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab.

Pada segmen ketiga pula iaitu 'Hari Raya, Hari Yang Gembira' memfokuskan pada perayaan dan bagaimana orang *kitani* biasanya menunggu pengumuman anak bulan Syawal dan semua orang panik pada malam sebelum Hari Raya. Sesetengah keluarga akan sibuk mencuba pakaian, mengemas rumah dan sebagainya.

Kemudian di pagi raya dengan laungan takbir jelas terlihat keterujaan kanak-kanak bersalaman dan bermaafan bersama ibu bapa dan keluarga dengan menghulur duit raya.

Pelita Brunei sempat menemu bual Pengetua Sekolah Menengah YSHHB, Dayang Sarimah binti Haji Lusin menjelaskan, persembahan pada sambutan kali ini dijayakan seramai 176 pelajar terdiri daripada peringkat TASKA, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Dayang Sarimah menjelaskan, tema persembahan 'Perpaduan Masyarakat Mencapai Aspirasi Negara' dipilih untuk selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang menekankan kepentingan perpaduan masyarakat sebagai asas dalam membina rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya; menikmati kualiti hidup yang tinggi serta memiliki ekonomi yang berdaya tahan.

Katanya, ia juga mencerminkan hasrat nasional untuk memupuk keharmonian, kerjasama dan saling menghormati dalam kalangan masyarakat, yang menjadi kunci dalam mengatasi cabaran dan mencapai kemajuan bermakna.

Tambahan pula, ia memperlihatkan komitmen YSHHB untuk memperkukuh kerjasama dan solidariti demi kemajuan negara.

Sementara itu, pemilihan peserta persembahan ujarnya adalah melalui uji bakat dibuat pada bulan Januari dan latihan intensif bermula pada bulan Februari hingga Mac di peringkat sekolah dan latihan di ICC bermula pada 7 hingga 10 April 2025.

Pengetua Sekolah Menengah YSHHB seterusnya melahirkan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa atas sokongan yang berterusan serta dorongan dan komitmen tinggi mereka termasuk kepada para guru jurulatih dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dedikasi awda dalam membimbing pelajar amat luar biasa.

Katanya, mereka tidak hanya berkongsi ilmu dan kemahiran tetapi juga menerapkan semangat kerjasama yang tinggi, sebagai sebuah komuniti, kita telah mencipta sesuatu yang sangat istimewa. Persembahan ini adalah cerminan daripada usaha, kerjasama dan kesatuan.

Dayang Sarimah selanjutnya berharap agar aktiviti seumpama itu akan terus membuka peluang pelajar untuk memberikan sokongan antara satu sama lain dan beliau yakin para pelajar akan menyerlah dan menjadi modal insan yang holistik dan berkualiti.

Keterujaan juga turut dirasa oleh Syafiq Abdilah selaku artis penyanyi jemputan dalam terlibat sama menjayakan dan mewarnai kemeriahan persembahan sambutan kali ini.

Perasaan gembira dan pada masa yang sama juga gemuruh berikutan pertama kali didendangkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja yang lain namun Syafiq berjaya mempersembahkannya dengan nyanyian lagu rayanya bertajuk 'Hari Kemenangan Kita' hasil ciptaan Pengiran Md. Yusri bin Pengiran Haji Yahya yang sudah mulai menjalani latihan sejak bulan puasa lagi.

Lagu yang dicipta itu istimewa khusus untuk Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB kali ini yang antara lain menceritakan pengalaman yang dilalui semasa raya dan ucapan tanda menghulur kemaafan.

Para pelajar YSHHB yang menyertai persembahan setentunya menjadikannya satu momen yang sememangnya tidak dapat dilupakan terutama sekali ia merupakan peluang keemasan untuk mencerminkan kegembiraan Aidilfitri mereka Kehadapan Majlis raja tercinta dan juga kerabat diraja yang lain.

Danish Zuhairi bin Hashim Muddin, Awangku Mohd. Aisy bin Pengiran Haji Bahrin dan Mohamed Noah Irfan bin Mohamed Shahrol, merupakan pelajar 9 Fast bersyukur dapat lagi menyumbang tenaga dengan mengikuti persembahan khusus pada sambutan kali ini dan ia akan menjadi kenangan yang tidak dapat dilupakan sampai bila-bila.





PENGETUA Sekolah Menengah YSHHB, Dayang Sarimah binti Haji Lusin.





MAJLIS Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) diserikan dengan persembahan pentas berwarna-warni (atas tengah, atas dan kanan).



SYAFIQ Abdilah selaku penyanyi jemputan (kiri), manakala gambar kanan, Danish Zuhairi bin Hashim Muddin, Awangku Mohd. Aisy bin Pengiran Haji Bahrin dan Mohamed Noah Irfan bin Mohamed Shahrol merupakan pelajar 9 Fast semasa ditemu bual.

فليتا بروني
PELITA BRUNEI

# PAMERAN PERPADUAN MASYARAKAT MEREALISASIKAN WAWASAN BRUNEI 2035






KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menyaksikan pameran (kiri dan atas).

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman**

**BERAKAS**, Sabtu, 12 April - Sebanyak 20 agensi yang terdiri daripada sektor kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan komuniti setempat telah menyertai Pameran Perpaduan Masyarakat yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi memperlihatkan peranan kolektif dalam merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Pameran bertemakan 'Perpaduan Menjana Kemajuan' merupakan kolaborasi antara pelbagai pihak mampu memacu pembangunan negara yang harmoni, inklusif dan berdaya tahan. Pelbagai inisiatif dan program dari seluruh lapisan masyarakat yang menyokong perpaduan sosial serta pembangunan negara dalam aspek pendidikan, keusahawanan, teknologi, kesihatan mental dan komuniti.

Antara matlamat pameran berkenaan adalah untuk menyampaikan peranan perpaduan masyarakat dalam merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035 melalui Whole of Nation Approach dan Whole of Government Approach; serta memaparkan sumbangan sektor kerajaan, swasta, dan masyarakat dalam pembangunan negara dan menggalakkan masyarakat untuk bersama-sama berperanan dalam membina masa depan negara melalui inisiatif masing-masing.

Antara agensi yang menyertai pameran berkenaan ialah YSHHB, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Jawatankuasa Takmir Masjid, Jabatan Perdana Menteri melalui Manpower Blueprint dan Social Blueprint, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Economic Blueprint, Pengawas Kejiranan, Persatuan Warga Emas, Persatuan Gerakan Ibu Tunggal, Persatuan Annur Harapan, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MIB), Koperasi, Poni Group, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) melalui Projek Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), Royal Brunei (RB), AM Counselling, GoMamam, Nara Agrofarm, Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) melalui Program Keusahawanan, Baiduri Bank melalui Program Keusahawanan, dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) melalui Program Keusahawanan.

Dalam sektor sinergi strategik dan pendorong, YSHHB selaku penganjur utama, mempamerkan sebagai pemangkin dalam membina masyarakat yang bersatu padu, progresif dan berdaya saing.

Di samping itu, Blueprints (Manpower, Social and Economic Blueprints) sebagai pemacu rancangan dasar dan strategik jangka masa panjang yang membentuk ke arah pembangunan negara mencapai Wawasan Brunei 2035.

Manakala, Pejabat Sekretariat MIB pula menekankan peranannya dalam memelihara dan mempromosi nilai-nilai MIB yang merupakan asas kepada perpaduan sosial dan identiti negara ke arah perpaduan masyarakat dalam kalangan belia dan pelajar. Melalui pelbagai program dan inisiatif, Pejabat Sekretariat MIB menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam membina masyarakat yang harmoni, berbudaya, dan sejahtera, serta memperkukuh nilai-nilai kebangsaan yang mendalam dalam kalangan belia dan pelajar.

Manakala sektor pendidikan

**>> Muka 9**






KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan (atas kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai.







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat ke pameran tersebut.**

**>> Muka 8**

Manakala sektor pendidikan dan pembinaan kapasiti pula, Persatuan Gerakan Ibu Tunggal memperkasa wanita dan ibu tunggal melalui latihan kemahiran dan sokongan peningkatan kualiti hidup.

Selain itu, Annur Harapan pula menyokong para belia neurodivergen dan membekalkan mereka dengan kemahiran asas hidup dan pekerjaan bagi membantu mereka mencapai kehidupan berdikari serta peluang pekerjaan.

Bagi institusi kewangan seperti BIBD, TAIB dan Bank Baiduri turut mempersembahkan peranan mereka dalam mendidik masyarakat mengenai pengurusan kewangan dan keusahawanan, selaras dengan Wawasan Brunei 2035 untuk mencipta masyarakat yang mampan dan berdaya tahan. Pada masa yang sama, akan memaparkan beberapa program keusahawanan dan aktiviti amal bagi syarikat masing-masing.

Sementara, Poni Group mengetengahkan usaha mereka dalam pemuliharaan alam marin dan ekopelancongan, memberikan peluang kepada golongan belia tanpa mengira jantina, untuk berlatih dalam industri maritim.

Manakala AM Counselling pula memastikan sokongan kesihatan mental dan bimbingan emosi adalah tersedia bagi golongan *at-risk* dalam masyarakat melalui sesi kaunseling, bengkel kesedaran dan program pembangunan diri.

Dalam sektor ekonomi dan keusahawanan, projek BEDB memperkenalkan peranan mereka dalam memacu pembangunan ekonomi melalui pelaburan dan inovasi, yang sejajar dengan matlamat menjadikan Brunei sebuah ekonomi yang dinamik dan mampan.

GoMamam pula mempamerkan sumbangan mereka dalam memajukan ekonomi digital dan sektor penghantaran tempatan, yang menyokong pertumbuhan perniagaan kecil serta membantu merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk memperkukuh sektor ekonomi tempatan. Pada masa ini, GoMamam telah mencapai 900 vendor dan 2,500 *dispatcher* di seluruh negara. GoMamam bukan sahaja satu perkhidmatan penghantaran biasa tetapi juga salah satu transformasi digital bagi NBD.

Sementara, Nara Agrofarm pula menampilkan kejayaan dan kecemerlangan dengan memanfaatkan sumber tempatan dan memperkasa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor pertanian. Kejayaan berkenaan mencerminkan komitmen mereka dalam memperkukuh ekonomi tempatan walau apa pun cabaran.

RB pula setelah mencapai 50 tahun mempamerkan peranan mereka bukan sahaja dalam mengembangkan sektor pelancongan, iaitu 'Bridging Brunei To The World' tetapi juga impak mereka kepada membantu masyarakat, iaitu 'RB for the Community' melalui inisiatif-inisiatif seperti program Community Social Responsibility (CSR) dan 'Ikhlas From The Heart'.

Manakala, koperasi mempamerkan kejayaan serta inisiatif-inisiatif bagi memudahkan ahli-ahli untuk membuka perniagaan dan saham, selaras dengan matlamat untuk meningkatkan daya saing ekonomi melalui usaha kolektif yang berdaya tahan.

Bagi kesejahteraan sosial pula, agensi akar umbi seperti Pengawas Kejiranan Kampung, memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, seterusnya menyokong perpaduan sosial yang amat diperlukan untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sementara Jawatankuasa Takmir Masjid pula memperkukuh nilai-nilai keagamaan dan sosial dalam masyarakat melalui pelbagai program pendidikan dan kebajikan, sesuai dengan aspirasi negara untuk membina masyarakat yang seimbang dan harmoni. Mereka memainkan peranan dalam memastikan masjid berfungsi secara holistik. Tidak hanya menjadi tempat ibadat tetapi juga tempat pembangunan, ilmu, sosial dan kemasyarakatan.

Manakala, MPMK memberi perhatian kepada peranan mereka sebagai wakil komuniti tempatan di peringkat akar umbi yang memahami keperluan dan aspirasi penduduk setempat. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mewujudkan ruang serta memberikan peluang kepada rakyat untuk terlibat sama dalam proses pembangunan di peringkat mukim dan kampung melalui budaya dan semangat bekerjasama, saling bantu-membantu di antara Ahli-ahli MPMK.

Sementara, Persatuan Wargamas memainkan peranan penting dalam memperkukuh kesejahteraan sosial golongan orang kurang upaya, warga emas, belia, rakan keseliaan dan program rehabilitasi melalui pelbagai program sokongan, aktiviti sosial dan keagamaan. Persatuan berkenaan adalah untuk membangun dan memajukan warga emas sejajar dengan merealisasikan Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghafur.

Pameran berkenaan juga menyediakan platform untuk dialog, perkongsian pengalaman, dan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan keterlibatan aktif masyarakat dalam merealisasikan aspirasi, iaitu untuk mencapai kejayaan sebagai masyarakat yang bersepadu dan berdaya tahan.







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah dan mendengarkan sembah penerangan (kiri dan kanan).**

PELITA BRUNEI

# KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT HADIRI MAJLIS SANTAPAN DIRAJA



**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**>> Muka 1**

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menghadiri Sambutan Jubli Perak yang bersejarah ini merupakan atas Warkah Persilaan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin, Raja Perlis yang disembahkan oleh Yang Amat Mulia Dato' Seri Diraja Syed Badaruddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tengku Syarif Bendahara Perlis Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 28 Januari 2025 lalu di Istana Nurul Iman.

Warkah Balasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian disembahkan oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar Kehadapan Majlis Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis pada 24 Mac 2025 di Istana Arau, Perlis.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima penganugerahan gelaran Doktor Kehormat Undang-Undang daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis selaku Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) pada 5 November 2014.**

# Pusat Ehsan raikan Hari Raya Aidilfitri

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Pengerusi Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri (kanan dan kanan sekali).**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 13 April. – Bagi meraikan kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Dr. Murali Rao dan Dr. Sumaya Rao telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang berlangsung di Bangunan Baharu pusat berkenaan, petang tadi.

Berangkat ke majlis tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Pengerusi Pusat Ehsan dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dijunjung oleh Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin serta Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Ketua Guru Ugama pusat berkenaan, Awang Sanif bin Haji Tarip.



**DR. Murali Rao dan Dr. Sumaya Rao memberi duit raya kepada kanak-kanak yang hadir.**

Dr. Murali Rao dan Dr. Sumaya Rao merupakan doktor pergigian yang berkhidmat di Premier Dental and Orthodontic Center, sememangnya aktif dalam kegiatan amal di Negara Brunei Darussalam mahupun di luar negara.

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan mereka dalam aktiviti kebajikan, Dr. Murali Rao dan Dr. Sumaya Rao turut menyumbangkan derma peribadi berjumlah BND10,000 bagi menyokong kebajikan dan kesejahteraan pusat berkenaan.

Dalam ucapannya, Dr. Murali Rao menekankan makna sebenar Hari Raya sebagai masa untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dan perpaduan masyarakat.

Katanya, Hari Raya adalah masa untuk bersama keluarga dan mengukuhkan semangat komuniti selain memberi kepada yang memerlukan bukan sahaja memperkukuh nilai peribadi, malah membina sahsiah diri.

"Keupayaan untuk membantu memperbaiki kehidupan orang lain adalah satu keistimewaan yang datang bersama tanggungjawab," tambahnya.

Kemuncak majlis adalah penyampaian replika cek oleh Dr. Murali Rao dan Dr. Sumaya Rao yang diterima Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah.

Majlis turut diserikan dengan pelbagai permainan dan aktiviti menyeronokkan untuk kanak-kanak, menjadikannya hari yang penuh keceriaan dan kenangan manis buat semua yang hadir.

Juga hadir di majlis tersebut, ketua-ketua dan timbalan ketua beberapa perwakilan diplomatik, pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta tetamu jemputan lain.

# MELUASKAN KESALINGHUBUNGAN, MANFAATKAN TRANSFORMASI DIGITAL

>> Muka 1

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Foto : Ihsan Kementerian Kewangan Malaysia

Semasa Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ASEAN Ke-29, para Menteri membincangkan cara-cara untuk meningkatkan kerjasama kewangan ASEAN dalam beberapa bidang termasuk kastam, percukaian, insurans, pembiayaan infrastruktur, perbendaharaan dan pengurusan kewangan awam.

Para Menteri juga menekankan kepentingan menyelaraskan penglibatan merentas sektor dalam kerjasama ASEAN bagi menangani isu-isu merentas bidang mengenai tenaga, bencana, kesihatan dan keselamatan makanan.

Mesyuarat AFMGM Ke-12 menyatakan sokongan terhadap keutamaan Pengerusi ASEAN Malaysia 2025 di bawah tema 'Inclusivity and Sustainability'.

Mesyuarat juga bertukar pandangan mengenai pengukuhan kerjasama dalam integrasi monetari dan kewangan serantau serta dalam kewangan mampan.

Semasa mesyuarat-mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II antara lain telah mengalu-alukan visi Malaysia untuk memperkukuh Komuniti ASEAN melalui tema 'Inclusivity and Sustainability', yang bertepatan dengan aspirasi bersama ASEAN untuk rantau yang berdaya tahan dan makmur.

Selain itu juga, Yang Berhormat menegaskan kepentingan hubungan ekonomi dan perdagangan yang kukuh dalam menangani cabaran global dan menekankan sokongan Negara Brunei Darussalam dalam bekerjasama dengan Malaysia dan Negara-negara Ahli ASEAN yang lain dalam memajukan keutamaan ekonomi bersama, mengurangkan impak kejutan luaran dan merealisasikan visi bersama ASEAN dalam membina masyarakat ASEAN yang makmur, berdaya tahan dan saling terhubung dan menekankan pembangunan rangka kerja kewangan mampan adalah penting untuk menarik pembiayaan iklim dan memacu pelaburan mampan ke arah membina rantau ASEAN yang lebih berdaya tahan.

Berikutan pengenalan tarif oleh Amerika Syarikat termasuk tarif yang diumumkan pada 2 April 2025 dan penggantungan terkini pada 9 April 2025, para Menteri Ekonomi ASEAN mengadakan persidangan video untuk membincangkan perkembangan terkini dan pendekatan bersama ASEAN ke hadapan semasa Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM).

Sementara pada Mesyuarat-mesyuarat Dua Hala, Yang Berhormat telah mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz bagi membincangkan hubungan ekonomi dan perdagangan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia serta isu-isu semasa yang memberi kesan kepada kerjasama ekonomi dan perdagangan ASEAN.

Kedua-dua Menteri menekankan kepentingan kerjasama erat untuk mengurangkan impak tindakan perdagangan dan dalam memajukan pertumbuhan ekonomi bersama.

Semasa perbincangan dengan pihak US-ABC, Yang Berhormat Menteri dan US-ABC yang diketuai oleh Senior Vice President dan CEO, Ambassador Brian McFeeters meneroka potensi meningkatkan kerjasama dalam sektor kewangan dan digital, berdasarkan platform ASEAN.




**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bergambar ramai semasa menghadiri Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN Ke-12 dan Gabenor Bank Pusat (12th AFMGM) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang diadakan pada 7 hingga 10 April 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia.**

# Tempoh peralihan monsun hingga penghujung Mei 2025

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 12 April. - Negara Brunei Darussalam kini telah memasuki tempoh peralihan monsun, iaitu tempoh peralihan selepas Monsun Timur Laut dan sebelum memasuki Monsun Barat Daya.

Tempoh peralihan monsun berkenaan dijangka berterusan sehingga hujung Mei 2025.

Sepanjang tempoh berkenaan, ketiadaan luruan angin monsun membolehkan kesan angin tempatan untuk memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi cuaca harian negara kita.

Berdasarkan rekod klimatologi, kekerapan kejadian ribut petir adalah tinggi semasa tempoh peralihan monsun berkenaan berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Manakala purata hari-hari yang berhujan bagi April ialah 16 hari dan bagi Mei ialah 18 hari.

Sepanjang tempoh berkenaan, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca cerah pada waktu pagi dan hujan berasingan berlaku di kawasan pesisiran sekitar tengah hari, ribut petir berlaku di kawasan pedalaman negara pada sebelah petang dan merebak ke kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu malam, dan kadangkala berlanjutan sehingga awal pagi keesokan hari; tiupan angin yang perlahan daripada pelbagai hala pada waktu pagi dan malam, dan dari arah barat laut pada waktu petang; dan keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* atau melalui laman Facebook *@bruneiweather,* Instagram *@brunei.weather,* saluran Telegram *Brunei Weather* dan saluran WhatsApp *Brunei Weather.*




**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Galakkan Belia Ceburi Bidang Pertanian.'** Tarikh Tutup : **16 April 2025**
2. **'Bijak Memanfaatkan Media Sosial.'** Tarikh Tutup : **23 April 2025**
3. **'Menjamin Kesihatan, Kesejahteraan Ibu & Anak.'** Tarikh Tutup : **30 April 2025**

**TERMA DAN SYARAT :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan.**
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# AFMGM KE-12 : MEMUPUK MASA DEPAN EKONOMI BERDAYA TAHAN, INKLUSIF, MAMPAN

**Oleh : Kenyataan Bersama Sekretariat ASEAN**

**KUALA LUMPUR, MALAYSIA**, Sabtu, 12 April. - Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN (AFMGM) ke-12 dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan II, Malaysia, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; dan Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour.

Para Menteri mengadakan AFMGM Ke-12 untuk membincangkan perkembangan di rantau ini, termasuk kemajuan inisiatif kewangan dan bank pusat serta mengesahkan komitmen bersama untuk memupuk masa depan ekonomi yang berdaya tahan, inklusif dan mampan untuk rantau ini.

Para Menteri merakamkan ucapan takziah dan solidariti yang sedalam-dalamnya kepada rakyat Myanmar dan Thailand berikutan gempa bumi dahsyat yang melanda pada 28 Mac 2025.

Dalam tinjauan dan cabaran ekonomi, para Menteri mengambil maklum bahawa prestasi ekonomi ASEAN terus disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, aktiviti pelaburan yang stabil, prestasi eksport yang mantap, serta keadaan pekerjaan yang menggalakkan, dalam keadaan inflasi yang sederhana.

Rantau ini dijangka kekal berdaya tahan di tengah-tengah tekanan luar yang berterusan. Walau bagaimanapun, para Menteri menyatakan kebimbangan terhadap pengumuman tarif tambahan baru-baru ini oleh Amerika Syarikat (AS) dan potensi kesannya terhadap ekonomi.

Dengan keterbukaan ekonomi anggota ASEAN dan pergantungan kepada perdagangan luar, faktor seperti pertumbuhan global yang lebih perlahan, kemerosotan perdagangan antarabangsa dan aliran pelaburan yang berkurangan boleh memberi kesan buruk kepada prospek pertumbuhan rantau ini.

Ketidakpastian yang timbul daripada pelaksanaan tarif dan potensi tindakan balas boleh menimbulkan risiko ketidaktentuan yang meningkat dalam kedua-dua aliran modal dan kadar pertukaran. Para Menteri akan terus memantau perkara ini dengan teliti dan bersedia untuk menangani ketidaktentuan ini jika perlu.

ASEAN mengesahkan komitmen berterusan terhadap sistem perdagangan dua hala yang terbuka, inklusif dan berasaskan peraturan dan kepada integrasi ekonomi ASEAN. Para Menteri bersedia untuk bekerja secara konstruktif dengan semua rakan kongsi, termasuk AS, untuk mencari penyelesaian yang seimbang dan berpandangan ke hadapan dalam menyokong ekonomi global yang lebih berdaya tahan dan mampan.

ASEAN komited untuk tidak mengenakan sebarang tindakan balasan sebagai tindak balas kepada tarif AS.

Di tengah-tengah ketidaktentuan global yang memuncak, para Menteri mengesahkan komitmen untuk mengukuhkan daya tahan kewangan dan mempercepatkan integrasi kewangan dalam ASEAN, sekali gus menyokong integrasi perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN yang lebih besar.

Para Menteri menyeru Institusi Kewangan Antarabangsa untuk memberikan keutamaan yang lebih besar kepada risiko yang ditimbulkan oleh tarif yang tinggi kepada ekonomi global dan untuk menasihati ahli mereka tentang alat dasar yang sesuai untuk menangani risiko tersebut.

Sementara dalam memajukan pertumbuhan mampan dan inklusif, para Menteri mengalu-alukan tema Pengerusi ASEAN 2025 Malaysia, iaitu 'Inclusivity and Sustainability', dan menyokong Priority Economic Deliverables (PEDs) dalam landasan kewangan dan bank pusat, iaitu mempercepat akses kepada kewangan untuk peralihan yang adil dan ASEAN berdaya tahan iklim, mempercepatkan pertumbuhan pasaran modal ASEAN yang lebih mampan, terhubung dan inklusif; dan memupuk ketersambungan pembayaran segera inklusif di ASEAN.

Para Menteri juga mengalu-alukan usaha Malaysia untuk memudahkan pembiayaan bagi ASEAN Power Grid (APG), yang penting untuk meningkatkan keselamatan tenaga dan memajukan peralihan karbon rendah ASEAN.

Menyedari pelaburan besar dan modal swasta yang diperlukan untuk melaksanakan projek serantau ini, para Menteri menggalakkan penyertaan bank pembangunan pelbagai hala, sektor swasta, pelabur dan dermawan dari luar rantau ini. Para Menteri juga akan meneroka struktur pembiayaan yang sesuai dan alat alternatif, termasuk penyelesaian kewangan Islam, menawarkan kaedah yang lebih luas, untuk menggerakkan pembiayaan sektor swasta dengan lebih baik untuk projek APG serta meletakkan asas untuk penyertaan sektor swasta yang lebih luas dalam pembangunan infrastruktur yang mampan.

Para Menteri turut menyokong inisiatif Malaysia untuk membantu peralihan hijau Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui penerbitan ASEAN Greening Value Chain Playbook; dan pelancaran ASEAN Simplified ESG Disclosure Guide (ASEAN SEDG) Versi 1 untuk PKS dalam rantaian bekalan.

Para Menteri juga memuji inisiatif Malaysia untuk memajukan lagi kesalinghubungan pembayaran di rantau ini melalui pelan hala tuju berbilang tahun yang disahkan yang merangkumi pelan tindakan tertumpu dalam menyokong perjalanan sambungan pembayaran ASEAN dan dalam menetapkan sasaran kuantitatif untuk penerimaan dan penggunaan hubungan pembayaran rentas sempadan yang akan dicapai pada 2025.

Sementara itu, dalam memperkukuh ASEAN sebagai platform berkesan untuk kerjasama serantau dan penglibatan global, para Menteri mengalu-alukan dan memuji Project Revive, yang bertujuan untuk meningkatkan tadbir urus, struktur dan proses kerjasama kewangan, membuka jalan kepada sinergi, fleksibiliti dan kecekapan yang lebih besar dalam membentuk ASEAN yang bersedia untuk masa hadapan.

Usaha ini adalah penting dalam memajukan pelaksanaan Pelan Strategik ASEAN 2026-2030 dan ASEAN Community Vision (ACV) 2045. ASEAN komited untuk kekal sebagai platform yang teguh dalam membina kerjasama serantau, memberikan hasil yang berkesan dan bermakna di tengah-tengah landskap global yang semakin kompleks dan dinamik.

Manakala dalam memajukan integrasi kewangan dan memperkukuh daya tahan kewangan serantau, para Menteri mengesahkan komitmen terhadap kestabilan kewangan dan memperdalam integrasi serantau.

Para Menteri memuji Jawatankuasa Kerja atas pencapaian dan kemajuan dalam liberalisasi perkhidmatan kewangan, integrasi perbankan, rangkuman kewangan, pembangunan pasaran modal, liberalisasi akaun modal dan ketersambungan pembayaran rentas sempadan selaras dengan ASEAN Economic Community (AEC) Blueprint 2025.

Para Menteri juga mengharapkan penubuhan semula ASEAN Swap Arrangement (ASA), yang akan menjadi keutamaan dalam memperkukuh jaringan keselamatan dan kewangan rantau. Para Menteri menggalakkan kerjasama selanjutnya untuk mengembangkan akses kewangan dan meningkatkan pengurusan kecairan dalam menyokong perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN, termasuk melalui Garis Panduan Pengendalian Model untuk Rangka Kerja Transaksi Mata Wang Tempatan yang disahkan di ASEAN.

Para Menteri mengalu-alukan sokongan United Kingdom (UK) untuk Kajian Akhir Penggal AEC BP 2025 bagi sektor kewangan. Sebagai peralihan kepada Pelan Strategik ASEAN 2026-2030 yang sedang dibangunkan, para Menteri digalakkan untuk membina kerjasama dan sinergi sedia ada sambil memajukan sinergi inovatif dan berpandangan ke hadapan bagi ACV 2045.

Para Menteri memuji pembangunan ASEAN Capital Markets Forum (ACMF) Action Plan 2026-2030. Pelan Tindakan berkenaan bertujuan membina ACMF dan ASEAN yang lebih mampan dan berdaya tahan, menggalakkan keterangkuman dan pemerkasa kewangan, mengukuhkan integrasi serantau dan kedudukan global serta memacu pendigitalan. Para Menteri juga menantikan pelaksanaannya menjelang akhir tahun.

Para Menteri menyokong penubuhan ASEAN Cross-Sectoral Working Committee (ACS-WC) untuk menyelia kumpulan kerja merentas sektor mengenai pembiayaan dan kesihatan risiko bencana, serta menilai inisiatif baharu yang dicadangkan mengenai keselamatan makanan, selaras dengan rangka kerja penilaian untuk penubuhan dan penamatan kumpulan kerja merentas sektor.

Para Menteri juga mengalu-alukan inisiatif oleh Jawatankuasa Penyelarasan Rentas Sektoral ASEAN mengenai ASEAN Cross-Sectoral Coordinating Committee on Disaster Risk Financing and Insurance (ACSCC DRFI). Inisiatif ini bertujuan untuk menambah perspektif baharu dan melengkapkan usaha kepada landasan sektor lain ke arah memupuk ASEAN yang lebih berdaya tahan dalam menghadapi perubahan iklim dan cabaran berkaitan kesihatan.

Bagi meningkatkan kerjasama perdagangan, kastam, cukai dan perbendaharaan, para Menteri mengiktiraf kemajuan dalam penyepaduan kastam, terutamanya dalam pendigitalan dan automasi, yang meningkatkan kecekapan perdagangan dan daya tahan rantaian bekalan.

Penggunaan ASEAN Single Window dan pengaturan pengiktirafan bersama untuk Pengendali Ekonomi Bertauliah (Authorized Economic Operators) merupakan pencapaian penting dalam memudahkan dan melancarkan perdagangan rentas sempadan.

Mengenai percukaian, para Menteri digalakkan dengan usaha berterusan untuk mengukuhkan kerjasama melalui penyelesaian dan penambahbaikan perjanjian cukai dua hala dalam kalangan ASEAN Member States (AMS), perkongsian pengetahuan mengenai pelaksanaan hakisan asas dan peralihan keuntungan (BEPS) Tonggak 2 dan memajukan perbincangan mengenai inisiatif ketelusan cukai.

Para Menteri juga mengambil maklum cadangan Malaysia untuk rangka kerja Tax Identification Number (TIN) untuk meningkatkan pertukaran maklumat di bawah Piawaian Pelaporan Biasa, demi memastikan ketepatan yang lebih tinggi dalam pematuhan cukai di seluruh ASEAN.

Para Menteri memuji kejayaan pelancaran mesyuarat sulung ASEAN Treasury Forum's (ATF) di Bali, Indonesia, pada Oktober 2024. Oleh itu, para Menteri mengiktiraf dan menyokong penubuhan empat kumpulan kerja yang tertumpu kepada Pengurusan Perbelanjaan Awam, Pengurusan Tunai Kerajaan, Perakaunan dan Pelaporan Kerajaan, dan Pendigitalan Pengurusan Kewangan Awam.

Para Menteri percaya platform sedemikian akan menjadi kunci untuk membolehkan perbincangan tertumpu, memudahkan aktiviti perkongsian pengetahuan, dan meneroka amalan terbaik dalam pengurusan kewangan awam dan perbendaharaan dalam kalangan AMS.

Dalam mempromosi inovasi digital dan kewangan, para Menteri memuji kemajuan besar yang dicapai dalam mengguna pakai dan mempromosi sistem pembayaran rentas sempadan, dengan 21 hubungan operasi yang meningkatkan urus niaga dalam ASEAN dan dengan rakan kongsi ekonomi utama seperti Jepun, India, dan Hong Kong, China, serta kemajuan dalam membangunkan ketersambungan pembayaran pelbagai hala melalui Project Nexus, di mana organisasi skim Nexus telah ditubuhkan di bawah nama Nexus Global Payment pada bulan Mac.

Para menteri mengesahkan komitmen untuk mengukuhkan pengawasan pembayaran rentas sempadan, memperluaskan hubungan pembayaran segera dan meningkatkan keselamatan siber untuk mengurangkan risiko yang berkaitan dengan transaksi digital.

Untuk menggalakkan keselamatan dalam sistem kewangan, para Menteri juga menekankan kepentingan memerangi jenayah kewangan, penipuan dan penipuan siber melalui usaha serantau yang diselaraskan, mekanisme perkongsian maklumat yang dipertingkatkan dan sumbangan kepada wacana global.

Dalam hal ini, pengawal selia kewangan dan bank di ASEAN bersetuju untuk bekerjasama ke arah membangunkan ekosistem serantau untuk menangani penipuan termasuk menyepadukan kedua-dua strategi mitigasi sebelum dan selepas penipuan untuk menangani ancaman yang berkembang.



Para Menteri juga menggesa institusi kewangan dan perniagaan untuk melibatkan diri secara aktif dan mempromosikan inisiatif pembayaran rentas sempadan serantau. Sokongan industri dan sektor swasta adalah penting, bukan sahaja untuk memajukan pembayaran digital tetapi juga dalam meningkatkan lagi rangkuman sosioekonomi di seluruh rantau ini.

Manakala, dalam meningkatkan kewangan mampan untuk peralihan yang adil dan tertib, para Menteri mengiktiraf dan memuji usaha untuk menggerakkan kedua-dua sumber dan pelaburan awam dan swasta dalam menangani keperluan pembangunan infrastruktur ASEAN dan kesalinghubungan serantau.

Dalam hal ini, para Menteri mengesahkan ASEAN Infrastructure Fund's (AIF) Action Plan for 2025-2028 pada ASEAN Finance Ministers' Meeting (AFMM) pada 10 April 2025.

Menyedari sifat dinamik keutamaan infrastruktur serantau, para Menteri bersetuju bahawa Pelan Tindakan akan berfungsi sebagai *living document* yang membolehkan pelarasan diperlukan berterusan dan berkesan.

Pelan tindakan AIF menggariskan empat keutamaan strategik yang bertujuan untuk mengembangkan kapasiti pembiayaan AIF, meningkatkan daya saing, memperkenalkan kemudahan pembiayaan baharu dan meningkatkan keterlihatan dan perkongsian AIF.

Kemudahan pembiayaan baharu yang dicadangkan termasuk penubuhan Regional Connectivity Project Readiness Facility (RCF), penubuhan ASEAN Power Grid Transition Finance Facility (ASEAN TFF) untuk mempercepatkan pembangunan APG, dan projek perintis kemudahan kewangan Islam.

Para Menteri digalakkan dengan memuktamadkan Versi 3 Taksonomi ASEAN untuk Taxonomy for Sustainable Finance (ASEAN Taxonomy) dan penggunaan Rangka Kerja Asas untuk PKS pada Disember 2024, serta garis panduan ASEAN Sustainable Investment Guidelines (ASIG).

Para Menteri juga mengambil maklum kemajuan berterusan bagi Versi 4, yang bertujuan untuk menyediakan liputan menyeluruh bagi enam sektor fokus dan tiga sektor pemangkin dalam ASEAN Taxonomy's, dengan penerbitan disasarkan menjelang akhir tahun.

Perkembangan ini adalah penting untuk memastikan peralihan yang adil, boleh dipercayai dan teratur di ASEAN, mengukuhkan peranan ASEAN Taxonomy's dalam membimbing peruntukan modal yang mampan, satu responsif kepada pelbagai keadaan AMS dan selaras dengan rangka kerja dan panduan antarabangsa yang lain.

>> Muka 13

# ASEAN KOMITED TIDAK BERTINDAK BALAS TERHADAP TARIF AS

Oleh : Kenyataan Bersama Sekretariat ASEAN



**KUALA LUMPUR, MALAYSIA**, Sabtu, 12 April. - Berikutan pengenalan tarif oleh Amerika Syarikat (AS) termasuk tarif yang diumumkan pada 2 April 2025 dan penggantungan terkini pada 9 April 2025, para Menteri Ekonomi ASEAN mengadakan persidangan video untuk membincangkan perkembangan terkini dan pendekatan bersama ASEAN ke hadapan.

Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) mengesahkan perkongsian kukuh dan berkekalan antara ASEAN dan AS. Sebagai Rakan Strategik Komprehensif (CSP) ASEAN, selama lebih empat dekad, AS telah memainkan peranan penting dalam memupuk seni bina serantau yang berpusatkan ASEAN yang menggalakkan keamanan, kestabilan, pertumbuhan ekonomi, pelaburan dan perdagangan di rantau ini yang telah memberi manfaat kepada kedua-dua rantau ini dan AS pada tahun 2024. ASEAN merupakan rakan dagang kelima terbesar AS.

ASEAN sebagai ekonomi kelima terbesar di dunia, amat prihatin terhadap pengenalan tarif unilateral baru-baru ini oleh AS, termasuk tarif yang diumumkan pada 2 April 2025 dan seterusnya penggantungan terbaharu pada 9 April 2025.

Ini telah menyebabkan ketidakpastian dan akan membawa cabaran besar kepada perniagaan, terutamanya kepada Perniagaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan perusahaan sederhana global.

Pengenaan tarif yang tidak pernah berlaku sebelum ini oleh AS akan mengganggu aliran perdagangan dan pelaburan serantau dan global serta rantaian bekalan, yang menjejaskan perniagaan dan pengguna di seluruh dunia, termasuk AS.

Ia juga akan memberi kesan kepada keselamatan dan kestabilan ekonomi, menjejaskan mata pencarian berjuta-juta orang di rantau ini dan menghalang kemajuan ekonomi di ASEAN, terutamanya hubungan perdagangan ekonomi ASEAN yang kurang maju dan ekonomi AS yang kurang maju. Ini terutamanya memandangkan pada tahun 2024, AS ialah sumber FDI terbesar ASEAN dan rakan dagangan kedua terbesar.

Berdasarkan perkembangan ini, AEM menyatakan hasrat bersama untuk terlibat dalam dialog yang jujur dan membina dengan AS untuk menangani kebimbangan berkaitan perdagangan.

Komunikasi dan kerjasama terbuka akan menjadi penting untuk memastikan hubungan yang seimbang dan mampan. Dalam semangat itu, ASEAN komited untuk tidak mengenakan sebarang tindakan balasan sebagai tindak balas kepada tarif AS.

AEM menganggap AS sebagai rakan ekonomi ASEAN yang telah lama wujud dan dihargai. Para Menteri kekal komited untuk menjaga kepentingan ekonomi ASEAN serta mengekalkan hubungan perdagangan yang kukuh dan saling menguntungkan dengan AS khususnya para Menteri mengesahkan semula kesediaan untuk bekerjasama dengan AS di bawah Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan ASEAN-AS (TIFA) dan Pelan Kerja Penglibatan Ekonomi Diperluas (E3), untuk meneroka isu penyelesaian yang boleh diterima bersama.

Ini termasuk memudahkan perdagangan dan pelaburan dua hala, memperdalam perkongsian perdagangan strategik dan meningkatkan ketersambungan dan daya tahan rantaian bekalan melalui teknologi digital dan inovasi, yang boleh menggalakkan kerjasama serantau yang lebih kukuh.

ASEAN percaya bahawa rangka kerja kerjasama ekonomi ASEAN-AS yang dipertingkatkan, teguh dan berpandangan ke hadapan akan menyumbang kepada kemakmuran rakyat kita dan ekonomi global yang lebih luas.

Rangka kerja sedemikian akan mengukuhkan penglibatan yang membina, memupuk rantaian bekalan serantau dan memacu inisiatif inovatif untuk memastikan hubungan ekonomi yang berdaya tahan, terjamin, stabil dan saling menguntungkan dengan tumpuan khusus pada sektor bernilai tinggi, termasuk perkhidmatan digital dan industri berasaskan pengetahuan, makanan, pertanian dan perhutanan, teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui, pembuatan dan elektronik termaju, pakaian dan kasut, barangan perjalanan, penjagaan kesihatan dan bioteknologi serta produk dan peralatan pengangkutan.

Para Menteri mengesahkan sokongan mereka untuk sistem perdagangan pelbagai hala yang boleh diramal, telus, bebas, adil, inklusif, mampan dan berasaskan peraturan dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sebagai terasnya dan kami mengakui peranan penting yang telah dimainkan oleh WTO dalam memupuk pertumbuhan ekonomi global.

ASEAN menyokong kenyataan baru-baru ini oleh Ketua Pengarah WTO, Dr. Ngozi Okonjo-Iweala yang menyerlahkan bahawa tarif AS akan mempunyai implikasi yang besar untuk perdagangan global dan prospek pertumbuhan ekonomi, terutamanya Negara Kurang Maju (LDC) dan menggalakkan WTO untuk digunakan sebagai forum untuk membina dialog dan konflik perdagangan untuk membantu mencegah konflik perdagangan dan mencegah WTO untuk mencari penyelesaian koperasi.

ASEAN akan kekal teguh dalam memperdalam integrasi ekonomi serantau kita, menangkap peluang di tengah-tengah cabaran global dan mengekalkan persekitaran ekonomi serantau yang boleh diramal, telus, tidak diskriminasi, adil, inklusif dan terbuka yang telah menyokong pertumbuhan dalam perdagangan dan pembangunan serantau.

Untuk tujuan ini, para Menteri akan terus mengekalkan komitmen mereka dalam perjanjian ASEAN dan inisiatif kemajuan yang penting untuk memacu perdagangan di rantau mereka seperti Peningkatan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA) dan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA).

Para Menteri juga akan mengukuhkan dan mengembangkan hubungan ekonomi kami dengan rakan kongsi luar ASEAN, termasuk Rakan Dialog dan mencari peluang kerjasama ekonomi dengan rakan kongsi baharu.

Dalam konteks ini, sebagai satu kumpulan, para Menteri akan terus membincangkan cara bagaimana untuk mengukuhkan lagi dan meningkatkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN di rantau ini.

Oleh itu, ini akan memberikan isyarat yang kukuh tentang komitmen mereka dan tegas untuk memajukan integrasi ekonomi serantau. Sebagai tindak balas kepada kesan ekonomi yang mungkin timbul, para Menteri akan terus bekerjasama dengan lebih erat, dengan perpaduan dan perpaduan yang lebih erat dan kekal komited kepada perdagangan berasaskan peraturan ASEAN.

Usaha kolektif ini akan membolehkan ASEAN menghadapi dan mengatasi krisis perdagangan global, meminimumkan kesan kepada rakyat kita dan terus berkembang secara mampan.

# AFMGM Ke-12 : Memupuk masa depan ekonomi berdaya tahan, inklusif, mampan

>> Muka 12

Para Menteri mengalu-alukan pelancaran All Countries Common Equivalence Platform for Taxonomies (ACCEPT) yang akan datang dan kegunaannya dalam memudahkan penggunaan dan kesalingoperasian antara ASEAN Taxonomy dan AMS' national taxonomies.

Para Menteri juga memuji kemajuan bermakna untuk menggalakkan kewangan mampan dan peralihan rantau ini kepada masa depan rendah karbon melalui pelbagai inisiatif dan kerjasama utama termasuk pencapaian Peta Hijau ASEAN, pelancaran ASEAN Transition Finance Guidance (ATFG) Versi 2; penubuhan ASEAN Sustainable Finance Support Hub; pelancaran Asia Green Transformation Consortium (Asia GX Consortium), usaha untuk meneroka pembangunan panduan manfaat bersama mitigasi dan Adaptation for Resilience (mARs) untuk meningkatkan kebolehgunaan dan kefungsian ASEAN Taxonomy, berhubung dengan penyesuaian perubahan iklim, program pembinaan kapasiti untuk pengawal selia dan korporat ASEAN dalam menggalakkan pendedahan kemampanan yang konsisten dan setanding, pembangunan fasa seterusnya kerja ACMF's Voluntary Carbon Market dan promosi insurans berkaitan kemampanan.

Para Menteri mengalu-alukan perbincangan berterusan mengenai cadangan pembangunan World Bank and Asian Development Bank's proposed development of the ASEAN Power Grid Financing Framework (APGFF), yang akan menjadi *living document* yang akan dikaji dan dikemas kini secara aktif untuk menarik peluang aliran modal global. Ini adalah satu langkah yang menjanjikan dalam memajukan agenda kemampanan rantau ini.

Para Menteri juga menyeru sektor swasta, institusi kewangan, penyedia modal dermawan dan pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk bank pembangunan pelbagai hala, untuk menyokong secara aktif pembangunan APG dan usaha peralihan keseluruhan rantau ini dengan menggerakkan pembiayaan hijau dan menyumbang kepakaran, teknologi dan sumber mereka.

Sementara bagi dialog dengan Majlis Perniagaan pula, para Menteri menghargai pertukaran dengan ASEAN Business Advisory Council (ASEAN BAC), EU-ASEAN Business Council (EU-ABC), dan US-ASEAN Business Council (US-ABC) mengenai isu serantau dan global yang mendesak.

Para Menteri menekankan kepentingan peranan rakan kongsi industri dalam memajukan integrasi kewangan, termasuk memudahkan peralihan rantau ini melalui pembiayaan, memanfaatkan penyelesaian alternatif termasuk kewangan Islam, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasiti, serta mempromosi inisiatif pembayaran rentas sempadan dan menangani risiko daripada penipuan.

Kesimpulannya, para Menteri merakamkan penghargaan kepada Malaysia kerana menjadi tuan rumah AFMGM ke-12 dan Mesyuarat Berkaitannya pada tahun penting ini, menandakan Ulang Tahun Ke-10 AEC.

Para Menteri juga menghargai sokongan yang diberikan oleh Sekretariat ASEAN kepada AFMGM Ke-12 dan Mesyuarat Berkaitan.

Para Menteri menantikan Jawatan Pengerusi Filipina pada 2026 yang akan mula melaksanakan Pelan Strategik AEC 2026-2030, pelan hala tuju lima tahun pertama ke arah merealisasikan ACV 2045.



# Ramah mesra Aidilfitri eratkan silaturahim



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang juga Penaung 1 Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas hadir pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Belia dan Beliawanis Masjid Senegara 'Syawal Diraikan, Ukhuwah Dieratkan' (atas), manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

**KILANAS**, Ahad, 13 April. – Kira-kira 200 orang mewakili belia-belia masjid di seluruh negara diraikan pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Belia dan Beliawanis Masjid Senegara 'Syawal Diraikan, Ukhuwah Dieratkan'.



Hadir pada majlis yang berlangsung di pekarangan Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin yang juga Penaung 1 Ahli Jawatankuasa Takmir masjid berkenaan.

Pada majlis tersebut juga diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi yang antara lain mengongsikan kepentingan menjaga silaturahim sebagai umat Islam.

Majlis ini merupakan anjuran bersama oleh Kumpulan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Selain untuk meraikan bulan Syawal, acara tahunan ini juga membuka ruang kepada para belia untuk terus aktif berinteraksi secara sihat, mengasah potensi kepimpinan dan mengeratkan ukhuwah sesama belia dan juga masyarakat yang secara tidak langsung dapat mengimarahkan masjid sebagai tempat beribadah dan pusat pembangunan rohani, intelektual dan sosial.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**




**TAZKIRAH** disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.






# KUNJUNGAN MUHIBAH TINGKATKAN JALINAN UKHUWAH



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir (AJK) Masjid Kampung Sungai Hanching menyertai rombongan AJK mengadakan kunjungan muhibah sempena Hari Raya.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 12 April. – Dalam menyemarakkan kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri, amalan kunjung-mengunjungi antara sanak saudara dan rakan taulan terus diadakan di negara ini sekali gus menandakan hari kemenangan umat Islam itu terus diraikan dengan rasa syukur.

Sehubungan itu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman juga Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir (AJK) Masjid Kampung Sungai Hanching menyertai rombongan AJK mengadakan kunjungan muhibah sempena Hari Raya.

Di samping memperkukuh hubungan silaturahim, ia merupakan peluang terbaik kepada AJK masjid untuk berinteraksi secara langsung dan cara untuk mendekati masyarakat kampung secara lebih mesra.

Kunjungan muhibah itu juga sebagai inisiatif AJK masjid bagi menyantuni jalinan ukhuwah yang dihasratkan dalam mempererat hubungan antara masjid dan masyarakat.

## سوارا سوچي

# جاوهي صفة دندم، بريله كمعافن

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبۡحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠڳوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبۡحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠإيڠتي الله سُبۡحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

الله سُبۡحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة الأحزاب أية ٢١:

**تفسيرڽ:**

**دمي سسوڠڳوهڽ ڤد ديري رسول الله ايت اد حونتوه يڠ بايك باڬي كامو، يايت باڬي اورڠ يڠ مڠهارڤكن (كريضأن) الله دان (كبهكيأن) هاري أخيرة سرت بايق برذِكِر مڠإيڠت الله.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيۡهِ وَسَلَّمَ مروڤاكن أُسوةٌ حسنة يايت جونتوه تلادان يڠ تربايك باڬي أومت مأنسي اونتوق دإيكوتي دالم سموا أسڤيك كهيدوڤن سام اد دري سودوت كطاعتن دان كإيمانن ترهادڤ الله سُبۡحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ، ڤرکاولن، أخلاق دان سأومڤاماڽ.

سباڬاي أومت إسلام، كيت هندقله سنتياس منجونتوهي صفة-صفة دان أخلاق يڠ اد ڤد ديري بڬيندا رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيۡهِ وَسَلَّمَ، انتارا صفة بڬيندا يڠ ڤرلو كيت جاديكن سباڬاي جونتوه دان سوري تلادان دالم كهيدوڤن سهارين كيت اياله سيكڤ رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيۡهِ وَسَلَّمَ يڠ ڤمعاف دان برلاڤڠ دادا.

سيداتنا عائشة رَضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهَا ڤرنه منجلسكن مڠنإي أخلاق رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيۡهِ وَسَلَّمَ. **درڤد أبو إسحق رَضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُ اي بركات، اكو مندڠر أبو عبدالله الْجَدَلِيُّ رَضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُ بركات: اكو ڤرنه برتاڽ كڤد عائشة رَضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهَا مڠنإي أخلاق رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيۡهِ وَسَلَّمَ، مك اي ڤون منجواب: رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيۡهِ وَسَلَّمَ تيدق ملاكوكن دان مڠوجڤكن ڤركارا يڠ بوروق. بڬيندا جوك تيدق برترياك دڤاسر دان تيدق اكن ممبالس كجاهتن دڠن كجاهتن. رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيۡهِ وَسَلَّمَ اكن ممعافكن دان برلاڤڠ دادا. {حديث رواية إمام ترمذي}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

مقصود ممعافكن ايت اياله مڠمبيل سيكڤ برلاڤڠ دادا دان منيڠڬلكن ڤركارا-ڤركارا يڠ ممباوا كڤد ڤرموسوهن دان ڤرتليڠكهن انتارا ساتو سام لاين.

سسوڠڳوهڽ ممعافكن ايت بوكنله برأرتي ساتو تندا كلمهن اتاوڤون ككالهن، سباليقڽ اي اداله ساتو كمنڠن كران كيت داڤت منيواسكن ڤراسأن دندم يڠ مروڤاكن هاسوتن شيطان. اين كران ڤراسأن دندم هاڽ اكن ممباوا مسئله، هورو-هارا دان راس تيدق تنڠ دالم كهيدوڤن كيت. ماله عقيبة دندم، مأنسي سڠڬوڤ ملاكوكن ڤركارا-ڤركارا دوسا دان كجي.

اوليه ايت، سيكڤ ممبري كمعافن ايت ممبري كسن يڠ بايك دان ڤوسيتيف كڤد سموا اورڠ، ماله اي جوك ساڠت برمنفعة باڬي كصيحتن فيزيكل دان مينتل كيت. بهكن بوكن ايت سهاج، الله سُبۡحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ اكن منمبه كموليأن كڤد اورڠ يڠ ڤمعاف. درڤد أبو هريرة رَضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيۡهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **وَمَا زَادَ اللهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلاَّ عِزًّا.**

**مقصودڽ:**

**دان تيدقله الله منمبه كڤد سأورڠ همبا يڠ ڤمعاف كچوالي كموليأن. {حديث رواية إمام مسلم}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

ميمڠ تيدق داڤت دنافيكن، دالم كهيدوڤن كيت سهاري-هاري، كيت تيدق اكن ترلڤس درڤد منريما أوجين دان دوڬأن، يڠ كادڠ كلا ميبيبكن تيمبولڽ ڤراسأن ماره، تيدق ڤواس هاتي دان صفة دندم دالم ديري كيت أڠكارا درڤد ڤربواتن اورڠ لاين يڠ تيدق مينڠكن هاتي كيت سڤرتي دمالوكن، دفتنه، دهينا، دظالمي دان سأومڤاماڽ.

ڤرلو دإيڠت، بهاوا أڬام كيت ممرينتهكن أومتڽ سوڤاي سنتياس برصفة صبر دان كيت دأنجوركن اڬر تيدق ممبالس كجاهتن دڠن كجاهتن، سباليقڽ ڤربواتن جاهت ايت هندقله دبالس دڠن چارا يڠ لبيه بايك يايت دڠن كبايكن دان كمعافن. مك سنتياسله برسيكڤ ڤمعاف دان برلاڤڠ دادا سكاليڤون برادا دڤرسكتيران يڠ نيڬاتيف، كران سيكڤ ترسبوت ممڤو ممباوا ڤروبهان كڤد كأدأن سكليليڠ. فرمان الله سُبۡحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ دالم سورة فصلت أية ٣٤ يڠ تفسيرڽ: **دان تيدقله سام (انتارا) ڤربواتن يڠ بايك دان ڤربواتن يڠ جاهت. تولقله (كجاهتن يڠ دلاكوكن كڤد مو) دڠن چارا يڠ لبيه بايك سهيڠڬ اورڠ يڠ برموسوه دڠنمو اكن منجادي سأوله-أوله صحابة قريب.**

ددالم القرآن دان حديث رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيۡهِ وَسَلَّمَ اد دجلسكن مڠنإي كإستيميوأن اورڠ يڠ برصفة ڤمعاف، انتاراڽ اياله:

**ڤرتام:** منداڤت ڬنجارن درڤد الله سُبۡحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ. فرمان الله سُبۡحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الشورى أية ٤٠:

**تفسيرڽ:**

**دان بالسن سسواتو كجاهتن اداله كجاهتن يڠ ستيمڤل دڠنڽ، مك سسياڤ يڠ ممعافكن دان بربوات بايك (كڤد اورڠ يڠ منظاليمڽ) مك ڤهلاڽ دجامين اوليه الله. سسوڠڳوهڽ دي تيدق ميوكاءي اورڠ-اورڠ يڠ ظالم.**

**كدوا:** صفة ممعافكن داڤت ملمبوتكن هاتي سسأورڠ.

**كتيك:** رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيۡهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بڬيندا منجلسكن بهاوا صفة ڤمعاف ايت مروڤاكن انتارا إيمان يڠ ڤاليڠ أوتام. درڤد معقل بن يسار رَضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيۡهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **أَفْضَلُ الْإِيمَانِ الصَّبْرُ وَالسَّمَاحَةُ.**

**مقصودڽ: إيمان يڠ ڤاليڠ أوتام اداله صبر دان ممعافكن. {حديث رواية إمام بخاري}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

سيكڤ برلاڤڠ دادا دان سوك ممبري كمعافن اين اداله سيكڤ مليا يڠ دأجركن اوليه أڬام كيت. اوليه يڠ دمكين، سيكڤ اين هندقله دڤركتيڤكن دالم كهيدوڤن كيت، سام اد دالم إنستيتوسي ككلوارڬأن اتاوڤون برمشاركت. جوسترو، اڤبيل برلاكوڽ ڤرسليسيهن فهم، هندقله سڬرا برمعافن دانتارا ساتو سام لاين اڬر تيدق برلاكو سبارڠ ڤركادوهن دان ڤرموسوهن يڠ برڤنجڠن.

أخيرڽ، جاوهيله صفة دندم، سيبركنله ڤريلاكو ساليڠ ممعافكن سباڬاي تندا كسوچيان هاتي سرت جاديكنله صفة ڤمعاف دان برلاڤڠ دادا ايت سباڬاي عملن دان دتراڤكن دالم كهيدوڤن كيت سهارين. موده-مودهن دڠن يڠ دمكين، كيت هيدوڤ دالم كادأن مشاركت يڠ هرموني، برساتو ڤادو دان بركاسيه سايڠ. آمين يا ربَّ العالمين.

**تفسيرڽ:**

**جاديله سأورڠ ڤمعاف دان سوروهله اورڠ مڠرجاكن يڠ معروف سرت برڤاليڠله درڤد اورڠ-اورڠ يڠ جاهل. { سورة الأعراف أية: ١٩٩ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سݢل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَيُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
| 406 | 2003 | MARCH | INTERHOUSE COMPANY | 6723985 | $ 2,000.00 |
| 407 | 2003 | MARCH | COPYNICE MARKETING SERVICE SDN BHD | 6723986 | $ 2,000.00 |
| 408 | 2003 | MARCH | BRUSIN TRADING CO SDN BHD | 6723987 | $ 2,000.00 |
| 409 | 2003 | MARCH | STAR TRADING & PRINTING SDN BHD | 6723988 | $ 2,000.00 |
| 410 | 2003 | MARCH | CONLETA TRADING CO | 6723989 | $ 2,000.00 |
| 411 | 2003 | MARCH | BISMI TRADING CO | 6723990 | $ 2,000.00 |
| 412 | 2003 | MARCH | COMPULINE ENTERPRISE | 6723992 | $ 2,000.00 |
| 413 | 2003 | MARCH | ASLEY FOREVER TRADING CO | 6723993 | $ 2,000.00 |
| 414 | 2003 | MARCH | DEP TRADING COMPANY | 6723995 | $ 2,000.00 |
| 415 | 2003 | APRIL | JUN AMALI ENTERPRISE | 6723996 | $ 2,000.00 |
| 416 | 2003 | MAY | PUSTAKA REMAJA | 6723998 | $ 2,000.00 |



# KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

كمنترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM**




1. Pilih makanan segar dan tidak berproses
2. Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
3. Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
4. Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
5. Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**1385 mg**

1 bungkus
**Mee Segera**

**1000 mg**

Sebiji
**Telur Masin**

**880 mg**

1 sudu makan
**Kicap**

**376 mg**

3 sudu makan
***Corned Beef***

**295 mg**

1 bungkus kecil
**Keropok Ubi Kentang**

**243 mg**

1 bungkus kecil
**Keropok Udang Tempatan**

**120 mg**

1 cawan
**Kentang Goreng**

**116 mg**

Segenggam
**Kacang Tanah (Salted)**

**15 mg**

3 keping
**Kraker Beras**

**2.4 mg**

1/2 cawan
**Amping**

**1.7 mg**

Segenggam
**Kacang Tanah (Unsalted)**

**1.2 mg**

Sebiji ukuran sederhana
**Pisang**

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari **satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium)** sehari

**Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok**

hpcbrunei | Health Promotion Centre | Talian Darussalam 123

# PEMENANG BERTUAH BIBD ASPIRASI 7 TERIMA HADIAH

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam







BANK Islam Brunei Darussalam (BIBD) semasa mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Suku Tahunan Pertama bagi kempen BIBD Aspirasi 7 dengan Edisi Khas Hari Raya (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 13 April. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Suku Tahunan Pertama bagi kempen BIBD Aspirasi 7 dengan Edisi Khas Hari Raya.

Selaras dengan musim perayaan dan pemberian, BIBD yang diketuai oleh Ketua Perbankan Runcit, Awang Junaidi bin Bahrum telah mengunjungi rumah pemenang terpilih yang tinggal di Daerah Brunei dan Muara untuk menyerahkan hadiah mereka.

Lawatan rumah dibuat kepada pemenang hadiah suku tahunan, masing-masing menerima BND10,000 serta pemenang bulanan yang membawa pulang sebanyak BND1,000 setiap seorang. Ini menambah sentuhan peribadi dan perayaan pada majlis tersebut, sambil turut meraikan komitmen para pemenang untuk menabung melalui BIBD Aspirasi.

Kini dalam kitaran ketujuh, kempen BIBD Aspirasi terus mempromosikan kepentingan dan disiplin menabung dalam kalangan rakyat tempatan. Direka bentuk sebagai program simpanan dengan kelainan, BIBD Aspirasi memberi ganjaran kepada penyimpan dengan memberi mereka peluang untuk memenangi hadiah wang tunai, yang dapat menyokong lagi matlamat dan aspirasi kewangan mereka.

Untuk kempen tahun ini, BIBD telah mengeluarkan yuran pendaftaran berjumlah BND5 untuk peserta baharu, menjadikannya lebih mudah dan senang untuk semua orang memulakan perjalanan simpanan mereka. Ini mencerminkan komitmen BIBD terhadap rangkuman kewangan, membantu lebih ramai individu mengawal kewangan mereka dan merancang untuk masa depan.

Seperti edisi sebelumnya, peserta Aspirasi sedia ada secara automatik dimasukkan ke dalam kempen baharu, memastikan kelayakan berterusan untuk ganjaran sambil menggalakkan gelagat penjimatan jangka panjang.

Struktur berasaskan ganjaran unik Aspirasi membolehkan peserta terpilih untuk membawa pulang hadiah wang tunai yang besar sepanjang tahun. Dengan memberi insentif kepada simpanan dengan cara yang menarik dan inklusif, BIBD Aspirasi sejajar dengan usaha nasional untuk memupuk celik kewangan dan menggalakkan kesejahteraan kewangan di kalangan rakyat tempatan.

Program ini terus menyokong matlamat negara yang lebih luas di bawah Wawasan Brunei 2035 dan Pelan Tindakan Sektor Kewangan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), sambil menegaskan semula peranan BIBD sebagai Rakan Kongsi dalam kemajuan untuk negara.








## KUIZ PENERANGAN

ANJURAN JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI SEMPENA SAMBUTAN MEMPERINGATI PENUBUHAN JABATAN PENERANGAN KE-73, TAHUN 2025

SIRI KEDUA

**1.Apakah alamat Laman Sesawang Jabatan Penerangan?**
A.www.infodept.gov.bn
B.www.infogovernment.bn
C.www.information.gov.bn

**2.Selain menerbitkan akhbar rasmi kerajaan, PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan turut menawarkan perkhidmatan berikut :**
A.Penyewaan sistem Pembesar Suara (PA System), penjualan gambar-gambar digital dan pengiklanan di Pelita Brunei
B.Penyewaan kereta dan penghantaran barang
C.Penyewaan juru acara dan DJ.

**3.Apakah Moto Jabatan Penerangan?**
A.Memperkasa Masyarakat Bermaklumat
B.Membudayakan Maklumat dan Informasi Terkini
C.Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

**4.Selain versi cetakan, akhbar rasmi kerajaan, PELITA BRUNEI juga dapat dilayari setiap hari di laman sesawang beralamat?**
A.www.bruneipaper.gov.bn
B.www.pelita.gov.bn
C.www.pelitabrunei.gov.bn

**5.Pada tahun bilakah Program Sivik mula diperkenalkan?**
A.1976
B.1978
C.1980

TARIKH TUTUP PENYERTAAN
SABTU, 19 APRIL 2025

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN
1. Kuiz dibukakan kepada orang ramai berumur 12 tahun dan ke atas (kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta ahli keluarga).
2. Hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.
3. Sila hantarkan jawapan berserta maklumat di bawah dengan betul dan lengkap ke alamat e-mel berikut: *pr@information.gov.bn*

KETERANGAN PESERTA
Nama:
No. Kad Pengenalan:
Tarikh lahir & Umur:
Nombor Telefon:

HADIAH PEMENANG
- Pemenang adalah dihadkan kepada lima pemenang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai yang berjaya menjawab dengan tepat.
- Para pemenang akan menerima hadiah berupa baucer bernilai BND50 setiap seorang.
- Para pemenang akan dihubungi untuk mengambil hadiah.

7 April 2025 dan 14 April 2025

Muat turun aplikasi mudah alih : InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri · infodept.bn · infodept_bn · Pelita Brunei · pelitabrunei

# REMAJA LELAKI LEMAS DI TASIK LUGU

**Siaran Akhbar : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 13 April. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah menerima panggilan menyelamat orang lemas di kawasan Tasik Lugu, kelmarin.

Sebuah jentera dari Balai Bomba Jerudong telah dikerahkan dengan keramaian lima anggota bomba, yang diketuai oleh Penolong Pegawai Balai, Md. Hairul Azman bin Md. Harun Tee.

Apabila sampai di tempat panggilan, siasatan dijalankan didapati seorang mangsa lelaki, warga tempatan dan berusia 17 tahun telah pun dijumpai oleh orang awam dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Anggota bomba membantu mengangkat mangsa bersama orang awam ke tempat selamat untuk diperiksa oleh Pasukan EMAS yang ada di tempat kejadian. Mangsa seterusnya dibawa oleh pihak EMAS ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS) untuk pemeriksaan lanjut dan disahkan meninggal oleh doktor yang bertugas.

Turut hadir di tempat kejadian, Pasukan Polis Diraja Brunei dengan keramaian seramai empat orang yang diketuai oleh ASP Shahassanal Izzat bin Haji Sahibulbahtri dari Balai Polis Sengkurong.

JBP ingin menasihatkan orang ramai yang ingin beriadah di kawasan air untuk memastikan sentiasa meningkatkan kewaspadaan dan langkah berhati-hati semasa membuat sebarang aktiviti-aktiviti terutama sekali aktiviti mandi di tasik, sungai atau pantai.

Selain itu, pastikan untuk tidak membuat sebarang aktiviti mandi-manda jika keadaan cuaca tidak menentu dan mestilah peka akan keadaan cuaca dan pasang surut air sungai atau pantai atau dalam keadaan kesihatan yang kurang mengizinkan (kurang sihat) serta pastikan memakai *life jacket* dan memasang tali keselamatan semasa hendak menyelamatkan mangsa.

# Bantu kumpul darah bagi yang memerlukan



**KEMPEN Derma Darah diadakan di D'Sunlit Sendirian Berhad, Tapak Perindustrian Beribi dan berjaya mengumpul sebanyak 120 pain darah.**



**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERIBI**, Sabtu, 12 April. - Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sangat mengalu-alukan orang ramai daripada peringkat umur remaja ke atas untuk menghulur melalui derma darah antaranya bagi kegunaan para pesakit yang memerlukan.

Bukan itu sahaja, semua agensi termasuk jabatan-jabatan kerajaan, swasta, badan-badan pertubuhan bukan kerajaan serta orang ramai adalah juga digalakkan untuk mengadakan sebarang Kempen Derma Darah selain para penderma darah itu sendiri datang ke pusat berkenaan pada waktu yang ditetapkan beroperasi.

Bagi sama-sama menambah stok darah, Kempen Derma Darah diadakan hari ini di D'Sunlit Sendirian Berhad, Tapak Perindustrian Beribi dan berjaya mengumpul sebanyak 120 pain darah.

Lazimnya, para penderma terlebih dahulu dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan termasuk tekanan darah tinggi, kadar gula dalam darah serta tahap kesihatan masing-masing dengan pengisian borang yang diagihkan.

Adapun mereka yang boleh menderma darah berusia di antara 17 hingga 60 tahun; mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 45 kilogram; mempunyai tahap hemoglobin sekurang-kurangnya 12.5g/dL; sihat.

Kempen yang bermula dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang itu dihasrat bagi menggalakkan budaya menderma darah dalam kalangan kakitangan serta untuk membantu usaha pusat berkenaan untuk mendapatkan bekalan darah bagi membantu mereka yang memerlukan.

Oleh yang demikian, pendermaan darah secara kerap dan sukarela adalah penting bagi memastikan stok bekalan darah sentiasa pada tahap yang optimum dan mencukupi bagi menampung penggunaan di kesemua hospital di Negara Brunei Darussalam.








# Tradisi Rumah Terbuka

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Jabatan Penerangan

RUMAH Terbuka sudah menjadi amalan tradisi penduduk Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam dan menjadi satu kemestian semasa Hari Raya Aidilfitri. Masyarakat Melayu di negara ini rata-rata akan mengadakan Rumah Terbuka bagi meraikan tetamu, jiran tetangga serta rakan taulan, jauh dan dekat dengan pelbagai juadah disediakan bagi memudahkan para pengunjung bertandang ke rumahnya.

**Kebaikan amalan Rumah Terbuka**

Rumah Terbuka atau Open House telah pun giat diadakan sekitar tahun 90-an di mana peluang bagi kita untuk mendapat jamuan percuma. Ini merupakan titik pertemuan bagi masyarakat di negara ini untuk mencapai erti perpaduan sebenar kerana Majlis Rumah Terbuka turut disertai oleh masyarakat berbilang bangsa.

Antara kebaikan amalan Rumah Terbuka adalah ia membantu mengeratkan perpaduan antara kaum dan hubungan sesama masyarakat. Ini menunjukkan bahawa semua ahli masyarakat bebas untuk menyertai Rumah Terbuka tanpa mengira kaum, bangsa, agama dan etnik. Aktiviti Rumah Terbuka ini juga dapat mengumpulkan semua golongan dalam satu acara di mana kita dapat mengenali antara satu sama lain dan bersama-sama bergembira menyambut perayaan yang dirai.

Amalan berziarah atau berkunjung-kunjungan di hari perayaan seperti ini sudah menjadi adat bagi kita. Selain dianjurkan di rumah sendiri, konsep Rumah Terbuka ini juga turut diadakan di tempat kerja, jabatan dan agensi kerajaan bagi memupuk silaturahim antara rakan sekerja.

**Rancang menu bersesuaian**

Untuk menjamu tetamu yang hadir, pelbagai hidangan juadah turut disediakan. Antara juadah tradisional dan moden yang menyelerakan lazimnya dihidangkan seperti ketupat, lemang, sate, kambing panggang, nasi, lauk-pauk, mi goreng, cucur-cucuran dan lain-lain. Ada yang memasak sendiri dan tidak terkecuali juga menggunakan perkhidmatan katering. Oleh itu, adalah penting bagi tuan rumah untuk memastikan agar makanan itu sentiasa diisi semula agar tetamu yang datang dapat menikmati juadah tersebut. Lebih penting lagi, juadah yang dihidang itu hendaklah masih dalam keadaan baik, memandangkan Rumah Terbuka lazimnya memakan masa yang agak panjang. Sebaiknya rancang terlebih dahulu menu yang bersesuaian untuk dihidangkan semasa Rumah Terbuka itu. Jika menggunakan khidmat katering, sebaiknya kita hendaklah bertanya terlebih dahulu menu yang lebih tahan lama kepada mereka.

Di samping itu amalan Rumah Terbuka membolehkan kita untuk menikmati pelbagai jenis juadah serta merupakan peluang keemasan bagi kita untuk merasai hidangan perayaan yang disambut.

**Pupuk semangat perpaduan**

Amalan Rumah Terbuka juga berperanan memupuk semangat perpaduan di negara ini, sebagai contohnya ketika Hari Raya Aidilfitri, orang yang bukan beragama Islam berpeluang untuk mengetahui budaya, makanan, hiasan serta hati budi masyarakat Islam. Inilah peluang kepada masyarakat untuk melihat serta merasai kepelbagaian aneka masakan daripada latar belakang masyarakat yang berbeza.

**Amalan Rumah Terbuka boleh menjadi satu ibadah**

Umat Islam diingatkan agar menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang secara jelas dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala sewaktu mengadakan Majlis Rumah Terbuka seperti melayan tetamu sehingga meninggalkan solat, tidak menutup aurat, pergaulan bebas tanpa batas antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram, makan berlebihan sehingga membahayakan kesihatan dan sebagainya.

Walaupun amalan Rumah Terbuka bukanlah satu syariat yang diwajibkan oleh Islam namun jika dilakukan mengikut garis panduan syarak, amalan tersebut boleh menjadi satu ibadah. Menjaga niat dan menepati tuntutan syariat dalam penganjuran Rumah Terbuka mampu menjaga keberkatan, membawa rahmat, keampunan dan kesejahteraan kepada penganjur dan tetamu.

Konsep Rumah Terbuka ini sebenarnya menyediakan ruang luas kepada umat Islam untuk terus melakukan amalan yang dituntut oleh Islam. Antaranya memberi peluang kepada umat Islam untuk ziarah-menziarahi, mengeratkan silaturahim, bermaaf-maafan, bertukar-tukar fikiran dan menjamu tetamu yang hadir.








Oleh : Busyra Haji Abdul Hafeiz, Irsalina Nazihah Talip dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

# ابن الهيثم باڤ اوڤتيك مودن

ڤمربتن دان ڤلستارين مانوسكريڤ سباݢاي واريثن خزانه إسلام مروڤاكن دأنتارا ڤرانن بالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقيه. اوسها دالم ممربتكن دان ملستاريكن مانوسكريڤ ايت داڤت دچاڤاي ملالوءي ڤرلقساناءن جلسة علمية، ڤڠكاجين، ڤنترجمهن، ڤڠومڤولن، ڤمليهاراءن دان ڤاميرن. بالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقيه مميليقي لبيه درڤد سريبو نسخه مانوسكريڤ دالم ڤلباݢاي بيدڠ علمو دان بهاس يڠ دحاصيلكن اوليه علماء٢ معتبر برأصل دري تيمور تڠه دان نوسنتارا.

أبو العلي الحسن بن الحسن بن الهيثم البصري مروڤاكن ساله سأورڠ علماء معتبر يڠ هيدوڤ ڤد ابد ك-١٠ دان ك-١١ اد دكوڠسيكن دݢالري ٥: واريثن علمو ١، بالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقيه. ابن الهيثم تله دلاهيركن ڤد ٣٥٤هـ/٩٦٥م دبصرة، العراق. بلياو مروڤاكن سأورڠ توكوه إسلام تركنل دالم بيدڠ سائينس دتانه عرب دان بنوا ايروڤه ڤد زمان بلياو. دكنلي سباݢاي باڤ اوڤتيك مودن كران سومبڠن ڤنتيڠ بلياو دان دڤڠݢيل Alhazen ددنيا بارت.

لاهير دري كلوارݢ برڤنديديقن، ابن الهيثم دبسركن دڠن ڤلباݢاي علمو ڤڠتاهوان سڤرتي علمو ٢ اݢام، ماتماتيك، استرونومي، كدوكترن، فيسيك دان فلسفه. بلياو تله منريما ڤنديديقن اول دبصرة دان بغداد. كمودين، ابن الهيثم مرنتاو كأهواز. سلڤس منونتوت علمو دأهواز، بلياو مرنتاو ڤولا كأندالوسيا (سڤاپول) دان منروك سهيڠݢ منجادي ماهير دالم بيدڠ اوڤتيك.

انتارا سومبڠن اوتام بلياو دالم بيدڠ اوڤتيك اياله بلياو ممبوات ڤنموان ڤنتيڠ مڠنائي كاميرا اوبسكورا، ساتو ڤرينسيڤ اساس دالم اوڤتيك يڠ اخيرن ممباوا كڤد ڤنچيڤتاءن كاميرا مودن. كاميرا اوبسكورا (برمقصود بيليق ݢلڤ دالم بهاس لاتين) اياله ساتو ڤرنتي اوڤتيك يڠ ممبوليهكن چهاي ماسوق ملالوءي ساتو لوبڠ كچيل كدالم رواڠ ݢلڤ، لالو ممبنتوق ايميج ترباليق ڤد ڤرموكاءن برتنتڠن. ڤنموان ترسبوت بلياو ڤراوليهي سماس منجادي تاهنن خليفه الحاكم بأمري الله، (٣٨٦-٤١١هـ / ٩٩٦-١٠٢١م)، ڤمرينته بني فاطمية كتيك برعمور ٣٠ تاهون كران ݢاݢل ممبنتو مڠاتسي مسئله بنجير دمصر.

سڤرتي توكوه٢ إسلام لائين، ابن الهيثم جوݢ اكتيف مڠحاصيلكن ڤنوليسن دالم ڤلباݢاي بيدڠ علمو. كتاب المناظر (Book of Optics) اداله ساتو كتاب هيبت دالم بيدڠ اوڤتيك يڠ تله دترجمهكن دالم بهاس لاتين ڤد تاهون ١٥٧٢ دان دتربيتكن دبازل، سويتزرلند دڠن جودول Opticae Thesaurus. بوكو اين مڠاندوڠي تيوري ابن الهيثم مڠنائي ڤڠليهتن دان كاجين تنتڠ چهاي. بوكو اين منجادي اساس كڤد ڤركمبڠن اوڤتيك مودن ترماسوق ريک بنتوق چرمين، كنتا دان اخيرن ڤركمبڠن ميكروسكوڤ سرتا تيليسكوڤ.

ڤنموان ابن الهيثم تله دسمڤورناكن اوليه جوزيف نيسيفور نيڤس (Joseph Nicephore Niepce) ڤد تاهون ١٨٢٧ دفرنسا يڠ منچيڤتاكن كاميرا دان تروس دسمڤورناكن هيڠݢ منجادي كاميرا يڠ چڠݢيه سڤرتي سكارڠ. اتس جاس بلياو اخيرن ابن الهيثم دنوبتكن سباݢاي باڤ اوڤتيك مودن.

انتارا ڤنوليسن لائين بلياو يڠ منجادي روجوعن اداله سڤرتي كتاب الجامع في أصول الحساب (علمو ماتماتيك)، مقالة في التحليل والتركيب (علمو ݢيوميتري) دان كيفية حساب اتجاه القبلة يڠ مڠوڤاس مڠنائي اره قبلة دان سباݢاين. ترچاتت سكيتر ٧٠ كتاب تله دحاصيلكن اوليه بلياو. سلائين بوكو، بلياو جوݢ اد مڠحاصيلكن ٤ بواه رسالة يڠ مڠوڤسيكن تنتڠ علمو چهاي دان اوكور. اداڤون رسالة ٢ ترسبوت تله دترجمهكن كدالم بهاس جرمان دان ترسيبر لواس دايروڤه سجق تاهون ١٩٠٧م.

ابن الهيثم اداله سأورڠ توكوه إسلام يڠ ساڠت دسكاني دان ترمشهور تراوتام سكالي سماس دزمان بلياو. بلياو تيدق ڤرنه ڤواس منونتوت علمو سهيڠݢ اخير حياة. بلياو وفاة ڤد ٤٣٠هـ/١٠٤٠م دقاهرة، مصر كتيك براوسيا ٧٤ تاهون. بلياو ساڠت برڤڠاروه بوكن سهاج دتانه عرب ماله دسلوروه دنيا بارت سهيڠݢ ممبريكن سومبڠن بسر دالم دنيا علمو ڤڠتاهوان مودن.

BERITA GLOBAL

# CHINA MEMPERHEBAT SOKONGAN UNTUK WANITA LUAR BANDAR

**BEIJING**, 12 April. - China telah melancarkan satu program pelbagai jabatan untuk menyediakan latihan vokasional, sokongan pekerjaan dan bantuan lain untuk wanita yang tinggal di luar bandar, dengan bertujuan untuk menangani kesukaran yang mereka hadapi, menurut satu dokumen baru-baru ini.

Pelan kerja yang dikeluarkan bersama oleh 11 jabatan kerajaan mencadangkan penyediaan latihan vokasional dan kemahiran kraf tangan untuk wanita luar bandar bagi meningkatkan kemahiran mereka dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Ia turut menggalakkan penglibatan mereka dalam perkhidmatan penjagaan untuk kanak-kanak yang terbiar, penjagaan warga emas dan sokongan untuk orang kelainan upaya.

Pelan kerja itu juga menyeru agar bantuan diberikan kepada wanita luar bandar yang mempunyai kelainan upaya atau menghadapi masalah kewangan dan keluarga mereka, sambil menyokong pertubuhan amal dalam melancarkan inisiatif kebajikan awam yang disasarkan.

Di samping itu, jabatan kerajaan akan mengukuhkan perlindungan hak undang-undang wanita luar bandar, berusaha untuk mencegah diskriminasi dan keganasan rumah tangga, dan meluaskan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk golongan ini, mengikut pelan kerja.

Wanita luar bandar ditakrifkan sebagai mereka yang tinggal di kawasan luar bandar manakala suami mereka bekerja di tempat lain selama lebih enam bulan. - ©XINHUA



**SEORANG wanita menuai limau gula di Kampung Si'an, Daerah Liujiang, Bandar Liuzhou, Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, selatan China, pada 18 Disember 2024. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Daerah Liujiang di Bandar Liuzhou telah berusaha membangunkan pertanian berasaskan ciri tempatan bagi menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada wanita luar bandar.**

# PM Britain panggil sidang Parlimen tergempar untuk selamatkan loji keluli utama

**LONDON**, 12 April. - Perdana Menteri Britain, Keir Starmer telah memanggil Parlimen untuk bersidang secara tergempar pada Sabtu bagi mempercepatkan penggubalan undang-undang yang bertujuan menyelamatkan loji keluli British Steel di Scunthorpe daripada ditutup, lapor Xinhua.

Rang Undang-Undang (RUU) Industri Keluli (Langkah Khas), yang dijangka diluluskan dalam tempoh sehari, akan memberikan kuasa kepada Setiausaha Perniagaan untuk campur tangan secara langsung dalam operasi syarikat itu bagi memastikan pengeluaran diteruskan, menurut laporan media tempatan.

Di bawah RUU itu, Setiausaha Perniagaan diberi kuasa untuk mendapatkan bahan mentah, mengarahkan pihak pengurusan meneruskan operasi relau, serta mengambil semula pekerja yang telah diberhentikan bagi memastikan loji terus beroperasi.

Loji Scunthorpe dianggap penting kepada infrastruktur industri dan strategik Britain. Ia menghasilkan sebahagian besar landasan kereta api di negara itu dan merupakan satu-satunya loji keluli di Britain yang masih mampu menghasilkan keluli daripada bijih besi.

British Steel sebelum ini mengumumkan rancangan untuk menutup relau bagas di Scunthorpe, dengan alasan mengalami kerugian kewangan. Kerajaan memberi amaran bahawa langkah itu boleh menjejaskan sehingga 3,000 pekerjaan dan menghapuskan satu-satunya keupayaan negara itu untuk menghasilkan keluli sedemikian.

Sekiranya relau bagas itu ditutup secara kekal, Britain akan menjadi satu-satunya negara dalam Kumpulan Tujuh (G7) yang tidak lagi memiliki keupayaan untuk mengeluarkan keluli sedemikian, satu senario yang menurut pegawai boleh memberi kesan besar kepada pertahanan negara dan kebebasan ekonomi. - ©BERNAMA

# Sokongan antarabangsa terhadap usaha Arab Saudi, Perancis anjur persidangan mengenai Palestin

**WASHINGTON**, 12 April. - Wakil Tetap Arab Saudi ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Dr. Abdulaziz bin Mohamed Al-Wasel dan Wakil Tetap Perancis ke PBB, Jerome Bonnafon telah mempengerusikan bersama sesi taklimat kepada negara anggota dan pemerhati PBB di ibu pejabat badan dunia itu di New York City.

Menurut Agensi Berita Arab Saudi (SPA), sesi itu membincangkan persiapan untuk persidangan antarabangsa peringkat tinggi akan datang mengenai penyelesaian damai bagi isu Palestin serta pelaksanaan penyelesaian dua negara, yang dijadual diadakan pada Jun ini di bawah pengerusi bersama Arab Saudi dan Perancis.

Dalam ucapannya, Al-Wasel menekankan bahawa penubuhan negara Palestin yang merdeka merupakan asas untuk mencapai keselamatan dan kestabilan di rantau ini, sambil menegaskan bahawa sokongan Arab Saudi terhadap penyelesaian dua negara adalah pendirian sejak dahulu lagi dan tidak berbelah bahagi.

Beliau turut mengumumkan penubuhan beberapa kumpulan kerja untuk menangani isu-isu utama yang berkaitan penyelesaian damai konflik dan menyeru negara anggota agar menyumbang visi serta cadangan mereka bagi menyokong persiapan persidangan berkenaan.

Al-Wasel berkata persidangan PBB itu akan menjadi landasan rasmi dan komprehensif dalam mengukuhkan usaha antarabangsa untuk mencapai resolusi yang adil dan berkekalan.

Kebanyakan negara anggota PBB dan delegasi pemerhati daripada blok serantau menyatakan sokongan penuh terhadap usaha yang diterajui Arab Saudi dan Perancis dalam penganjuran persidangan itu.

Mereka menegaskan komitmen terhadap penyelesaian dua negara sebagai satu-satunya formula yang dipersetujui di peringkat antarabangsa bagi menamatkan konflik, sambil menekankan keperluan untuk mencapai hasil yang konkrit termasuk pengiktirafan sebuah Negara Palestin.

Mereka juga menyatakan penolakan terhadap tindakan pengilhakan tanah dan pemindahan paksa rakyat Palestin selain menekankan kepentingan menyokong kerajaan Palestin dan Agensi Bantuan dan Kerja PBB untuk Pelarian Palestin (UNRWA). Negara-negara yang mengambil bahagian turut memuji peranan utama Kerajaan Arab Saudi dalam menyokong perjuangan Palestin, peranannya selaku pengerusi bersama persidangan itu, serta usaha Riyadh dalam menggalakkan tindakan kolektif dan mengekalkan momentum politik serta diplomatik yang diperlukan bagi kejayaan persidangan berkenaan. - ©BERNAMA

# Mexico akan hantar bekalan air ke Texas susulan aduan AS

**MEXICO CITY**, 12 April. - Mexico akan segera menghantar berjuta-juta meter padu air ke negeri Texas di Amerika Syarikat (AS), umum Presiden Mexico, Claudia Sheinbaum pada Jumaat, lapor Xinhua.

Pengumuman itu sebagai respons kepada aduan Presiden AS, Donald Trump yang dibuat sehari sebelumnya.

"Sejumlah besar bekalan air akan dihantar berdasarkan bekalan yang tersedia, dan kami berharap musim hujan yang akan datang akan menambah simpanan air, membolehkan kami menghantar bekalan tambahan ke AS," kata Sheinbaum pada sidang media.

Sheinbaum turut menjelaskan bahawa satu perjanjian telah disediakan untuk menetapkan pembahagian proses rawatan air, yang sebahagiannya dijalankan di Mexico manakala selebihnya di negeri California, AS. Namun, beliau menyatakan bahawa pihak AS belum melaksanakan tanggungjawabnya dalam perjanjian itu kerana masih gagal menaik taraf loji rawatan seperti yang dipersetujui.

Pengumuman itu dibuat selepas Trump mengkritik Mexico pada Khamis, menuduh negara itu berhutang berjuta-juta liter air kepada Texas.

Trump turut mengancam untuk mengenakan tarif dan sekatan baharu melainkan Mexico menghormati perjanjian air dua hala 1944, yang mewajibkan kedua-dua negara berkongsi sumber air Sungai Colorado dan Sungai Rio Grande (Bravo) yang membentuk sempadan bersama mereka. - ©BERNAMA

# Britain larang kemasukan daging, produk tenusu dari EU untuk kegunaan peribadi

**LONDON**, 12 April. - Kerajaan Britain pada Jumaat mengumumkan peluasan larangan bagi kemasukan daging dan produk tenusu untuk kegunaan peribadi, yang kini meliputi semua negara Kesatuan Eropah (EU), susulan penularan penyakit kaki dan mulut di benua itu, lapor Xinhua.

Bermula Sabtu, pengembara yang memasuki Britain tidak lagi dibenarkan membawa masuk daging lembu, kambing, biri-biri, babi dan produk tenusu dari semua negara EU.

Barangan seperti sandwic, keju, daging yang diawet, daging mentah dan susu adalah dilarang, tanpa mengira pembungkusannya atau sama ada ia dibeli di kedai bebas cukai.

Langkah itu bertujuan melindungi kesihatan ternakan Britain, keselamatan petani serta jaminan bekalan makanan negara, menurut kerajaan.

Pengembara yang didapati membawa barangan itu akan diminta menyerahkannya di sempadan atau berdepan rampasan dan pemusnahan. Dalam kes yang serius, individu yang tidak mematuhi arahan itu boleh dikenakan denda sehingga £5,000 (AS$6,550) di England.

Awal tahun ini, Britain telah melarang import peribadi ternakan ruminan seperti lembu dan kambing serta produk tenusu dari Jerman, Hungary, Slovakia dan Austria berikutan pengesahan wabak penyakit kaki dan mulut di negara-negara itu. Sekatan baharu kini terpakai kepada semua negara anggota EU. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# PM AUSTRALIA PIMPIN UPACARA PENGHORMATAN SETAHUN TRAGEDI SERANGAN DI SYDNEY

**SYDNEY**, 13 April. - Perdana Menteri Australia, Anthony Albanese mengetuai upacara penghormatan kepada mangsa tragedi serangan tikaman di sebuah pusat beli-belah di Sydney setahun selepas insiden berdarah itu, lapor Xinhua.

Ahad menandakan genap setahun sejak Joel Cauchi menikam 16 orang di pusat beli-belah Bondi Junction di timur Sydney, menyebabkan enam orang maut dan 10 cedera.

Upacara peringatan diadakan di lokasi kejadian dengan kehadiran pemimpin kerajaan dan penguat kuasa undang-undang, serta ahli keluarga dan rakan-rakan mangsa bagi memperingati tragedi serta merasmikan sebuah tugu peringatan.

Dalam kenyataannya, Albanese berkata rakyat Australia akan bertafakur sejenak untuk mengingati mereka yang diragut nyawanya secara kejam.

"Ini sepatutnya bukan satu ulang tahun. Mereka sepatutnya masih bersama kita - bersama keluarga, rakan dan komuniti masing-masing, menggapai impian dan menikmati kebahagiaan hidup," katanya.

Beliau turut menyifatkan insiden itu sebagai detik kekejaman dan merakam penghargaan kepada pasukan kecemasan serta orang awam yang tampil membantu mangsa.

Cauchi maut ditembak Inspektor Amy Scott dari Polis New South Wales (NSW).

Susulan kejadian itu, kerajaan Australia menganugerahkan taraf penduduk tetap kepada dua lelaki dari Perancis dan Pakistan yang berani berhadapan dengan Cauchi ketika serangan berlaku.

Scott turut hadir pada majlis peringatan itu.

Pesuruhjaya Polis NSW, Karen Webb menyifatkan serangan itu sebagai antara peristiwa paling mengerikan dalam sejarah Australia.

"Ingatan kami tetap bersama keluarga mangsa yang terus menanggung kesedihan mendalam dan berusaha meneruskan hidup," katanya.

Kerajaan negeri NSW mengumumkan satu inkues koroner yang dijadual bermula 28 April hingga 30 Mei.

Inkues itu bakal menyiasat latar belakang Cauchi, pergerakannya, motif serangan jika ada, serta tindakan balas kecemasan yang diambil. - ©BERNAMA

# Bekas Presiden Korea Selatan dibicarakan pada Isnin atas tuduhan memberontak

**SEOUL**, 13 April. - Bekas Presiden Korea Selatan, Yoon Suk Yeol akan dibicarakan pada Isnin atas pertuduhan mengetuai pemberontakan, hanya 10 hari selepas dilucutkan jawatan ekoran pengisytiharan undang-undang tentera pada Disember lalu.

Mahkamah Daerah Pusat Seoul dijangka memulakan prosiding pada 10 pagi waktu tempatan esok, manakala Yoon sebagai tertuduh diwajibkan hadir ke mahkamah, lapor agensi berita Yonhap.

Yoon merupakan bekas presiden kelima Korea Selatan yang dibicarakan dalam kes jenayah.

Sekiranya disabitkan bersalah atas tuduhan mengetuai pemberontakan, Yoon boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup atau hukuman mati. - ©BERNAMA

# Lebih 114 orang awam terbunuh di Sudan

**KHARTOUM,** 13 April. - Lebih 114 orang awam dilaporkan terkorban dalam tempoh dua hari serangan Pasukan Rapid Support Forces (RSF) ke atas dua kem pelarian di El Fasher, ibu negeri wilayah Darfur Utara di barat Sudan, menurut kenyataan seorang pegawai tempatan pada Sabtu.

"Lebih 100 orang awam terbunuh akibat serangan kejam yang dilancarkan RSF ke atas kem pelarian Zamzam semalam (Jumaat), dengan puluhan lagi cedera.

Pada hari ini (Sabtu), serangan lain turut dilancarkan ke atas kem pelarian Abu Shouk, mengorbankan 14 orang awam dan mencederakan ramai yang lain," kata Pengarah Kesihatan Negeri Darfur Utara, Ibrahim Khatir kepada Xinhua.

Khatir turut mendedahkan antara mangsa yang terbunuh di kem Zamzam ialah sembilan kakitangan Relief International, sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang mengendalikan hospital lapangan di kem berkenaan.

Sementara itu, 'Emergency Room' iaitu sebuah organisasi sukarelawan melaporkan bahawa sebanyak 40 orang awam maut dan ratusan lagi cedera pada Sabtu berikutan serangan oleh RSF ke atas kem Abu Shouk.

Setakat ini, RSF masih belum mengeluarkan sebarang kenyataan rasmi berhubung insiden berkenaan.

Sejak 10 Mei 2024, pertempuran sengit tercetus di El Fasher antara Angkatan Tentera Sudan (SAF) dan pasukan RSF.

Krisis bersenjata antara SAF dan RSF yang meletus sejak pertengahan April 2023 mengorbankan lebih 29,600 nyawa, menurut data daripada 'Armed Conflict Location and Event Data' sebuah kumpulan pemantau krisis, dipetik oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. - ©BERNAMA

# Kebakaran gas Putra Heights: Tahap kesihatan mangsa di ICU semakin baik

**PUTRAJAYA,** 13 April. - Tahap kesihatan seorang mangsa kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, pada 1 April lepas yang kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) sebuah hospital swasta semakin baik.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata berdasarkan pemantauan petugas perubatan, lelaki berusia 21 tahun yang masih bergantung kepada alat bantuan pernafasan itu menunjukkan perkembangan baik.

"Saya mendapat laporan bahawa keadaannya semakin baik. Kita doakan (kesihatannya), dia adalah seorang lelaki berusia 21 tahun.

(Dia) diintubasi tetapi semakin baik, sekarang (dia) masih menggunakan *inotropes* tetapi keadaannya agak lebih baik…masih memerlukan sokongan dan sedang menunjukkan tanda-tanda pemulihan," katanya dalam sidang media selepas merasmikan majlis sambutan Hari Aktiviti Fizikal Sedunia (WOPAD) sempena inisiaitif Hari Tanpa Kereta Putrajaya di sini hari ini.

Mengenai status mangsa yang dirawat di fasiliti kesihatan, Dzulkefly berkata 30 mangsa masih mendapatkan rawatan di hospital kerajaan dan swasta setakat semalam.

"Saya perhatikan ada 17 yang masih dirawat di wad hospital swasta manakala 13 di hospital Kementerian Kesihatan manakala satu kes ICU di hospital swasta," katanya.

Insiden kebakaran saluran paip gas Petronas pada 8.10 pagi, 1 April lepas, menyebabkan api marak setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk dipadamkan sepenuhnya.

Kejadian itu mengakibatkan 81 rumah musnah sepenuhnya dengan kerosakan struktur melebihi 40 peratus, 81 rumah separa musnah, 57 rumah terkesan tetapi tidak terbakar manakala 218 rumah tidak terjejas.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata laporan penuh berhubung insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights dijangka diperoleh pada pertengahan Mei ini. - ©BERNAMA

# Kes campak di Mongolia melebihi 500

**ULAN BATOR**, 13 April. - Jumlah kumulatif kes campak di Mongolia kini melebihi 500 selepas 11 kes baharu direkodkan dalam tempoh 24 jam lalu, menurut Pusat Penyakit Berjangkit Kebangsaan (NCCD) pada Ahad.

Menurut kenyataan agensi itu, lebih separuh daripada kes terbaharu melibatkan kanak-kanak sekolah yang hanya menerima satu dos vaksin campak, lapor Xinhua.

Susulan peningkatan itu, NCCD menasihati ibu bapa agar memastikan anak-anak mereka menerima dua dos lengkap vaksin bagi melindungi daripada penyakit berjangkit yang berpotensi membawa komplikasi serius.

Campak ialah penyakit disebabkan virus yang sangat mudah berjangkit dan merebak melalui titisan pernafasan serta sentuhan langsung.

Simptom biasa termasuk demam, batuk kering, hidung berair, sakit tekak dan radang mata.

Penyakit ini boleh dicegah sepenuhnya melalui imunisasi lengkap. - ©BERNAMA

# Gempa bumi 5.6 skala Richter landa Myanmar, tiada kerosakan dilaporkan

**ANKARA**, 13 April. - Gempa bumi berukuran 5.6 pada skala Richter menggegarkan Myanmar pada Ahad, namun tiada kematian atau kerosakan harta benda dilaporkan setakat ini, menurut Pusat Seismologi Eropah-Mediterranean (EMSC).

Jabatan Meteorologi dan Hidrologi Myanmar menyatakan kekuatan sebenar gegaran pada 5.5 skala Richter, lapor Anadolu Ajansi (AA).

EMSC melaporkan pusat gempa terletak kira-kira 14.5 kilometer timur laut bandar Wundwin, dalam wilayah Mandalay, dengan kedalaman 35 kilometer (21.7 batu).

Negara Asia Tenggara itu masih belum pulih sepenuhnya daripada kesan gempa bumi dahsyat berukuran 7.7 pada skala Richter yang melanda wilayah tengah, kawasan yang dihuni oleh 17 juta penduduk pada 28 Mac lalu.

Kira-kira 3,649 orang terkorban, 5,018 cedera dan 145 lagi masih hilang akibat bencana itu.

Sejak 28 Mac, sebanyak 89 gegaran susulan direkodkan di Myanmar, menurut Jabatan Meteorologi dan Hidrologi negara itu. - ©BERNAMA

# Lapangan Terbang Antalya Turkiye siap dinaik taraf

**ANKARA,** 13 April. - Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan merasmikan projek naik taraf Lapangan Terbang Antalya pada Sabtu, dengan pengumuman bahawa lapangan terbang itu kini mampu menampung sehingga 82 juta penumpang setahun, lapor agensi Xinhua.

Menurut Erdogan, projek naik taraf itu dilaksanakan melalui kerjasama awam-swasta bernilai 927 juta (AS$1.05 bilion), tanpa melibatkan sebarang perbelanjaan daripada belanjawan negara.

Beliau turut menegaskan kepentingan lapangan terbang terbabit dalam memperkukuh sektor pelancongan Turkiye.

"Ini bukan sekadar lapangan terbang, tetapi pintu masuk global untuk Turkiye, bersedia menerima tetamu dari seluruh pelosok dunia," katanya.

Selain projek naik taraf di Antalya, Erdogan turut mengumumkan dua lagi lapangan terbang sedang dibina, masing-masing di wilayah Yozgat (tengah Türkiye) dan Bayburt-Gumushane (timur laut), yang bakal meningkatkan jumlah lapangan terbang aktif negara itu daripada 58 kepada 60. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




# BRUNEI DPMM FC TERIKAT SERI DENGAN LION CITY SAILORS



**PERLAWANAN antara Brunei DPMM FC dan Lion City Sailors berakhir dengan keputusan seri 0 - 0 pada perlawanan Liga Perdana Singapura 2024/2025 di Stadium Bishan, Republik Singapura (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League**

**REPUBLIK SINGAPURA**, Sabtu, 12 April. - Brunei DPMM FC mencatatkan keputusan seri 0 - 0 ketika bertemu Lion City Sailors pada perlawanan Liga Perdana Singapura 2024/2025 (Singapore Premier League - SPL) yang berlangsung lewat petang tadi bertempat di Stadium Bishan.

Pada babak pertama menyaksikan kedua-dua pasukan saling silih berganti mengatur rentak perlawanan, namun permainan lebih didominasi oleh Lion City Sailors.

Walau bagaimanapun, pada minit ke-12 permainan, perlawanan terpaksa diberhentikan dan ditangguh buat sementara waktu disebabkan amaran keadaan cuaca dibunyikan dan arahan untuk menghentikan sebarang aktiviti dan mengosongkan padang telah diaktifkan.

Bersambung pada babak kedua perlawanan, serangan demi serangan tetap terus dihadapi oleh Brunei DPMM FC, namun para pemain nekad untuk terus mempertahankan gawang mereka daripada dibolosi oleh pihak lawan.

Kedua-dua pasukan juga terus menggandakan usaha dan asakan untuk mendapatkan gol pendahuluan, tetapi percubaan demi percubaan terus menemui jalan buntu. Namun pujian perlu diberikan kepada penjaga gol Brunei DPMM FC, Kristijan Naumovski yang berusaha bertungkus-lumus mempertahankan gawang pasukan dengan sangat baik.

Walau bagaimanapun, percaturan demi percaturan dibuat oleh kedua-dua pasukan namun masing-masing masih gagal menghasilkan sebarang gol sehingga keputusan perlawanan kekal 0 - 0 ketika wisel penamat dibunyikan.

Dengan perlawanan berkenaan, Brunei DPMM FC kini berada di tangga ke-7 dalam kedudukan carta SPL dengan mengutip sebanyak 26 mata.

# Juara LaLiga dijangka diketahui hingga akhir musim – Luis Garcia

**KUALA LUMPUR**, 12 April. - Perebutan kejuaraan LaLiga dijangka kekal terbuka hingga ke minggu-minggu terakhir musim ini tanpa pasukan pilihan yang jelas untuk menjuarai liga utama bola sepak Sepanyol itu, kata bekas pemain FC Barcelona dan Atletico Madrid, Luis Garcia.

Garcia percaya kejuaraan hanya boleh ditentukan pada dua atau tiga perlawanan terakhir, memandangkan dua pasukan teratas Barcelona dan Real Madrid, masih berdepan jadual yang padat, saingan di kejohanan Eropah, serta keletihan yang semakin ketara dalam kalangan pemain utama.

"Kita bakal menyaksikan perlawanan yang sangat menarik dan saya tidak fikir kita akan melihat pasukan yang menjadi pilihan utama sehingga dua atau tiga perlawanan terakhir," katanya kepada Bernama dalam temu bual eksklusif menjelang Grand Final EA FC 25 Tournament Beat the Best, Sabtu.

Selepas 30 perlawanan, Barcelona kini menerajui carta liga dengan 67 mata diikuti Real Madrid (63 mata) manakala Atletico Madrid di tempat ketiga dengan 60 mata.

Walaupun ramai menganggap Barcelona sebagai pilihan utama untuk merangkul kejuaraan LaLiga ke-28 mereka namun, bekas pemain antarabangsa Sepanyol itu berkata The Galacticos tetap konsisten mengutip mata meskipun tidak mempamerkan aksi terbaik.

Bekas pemenang Liga Juara-Juara UEFA yang pernah menyarung jersi Liverpool pada musim 2004/2005 itu turut menyifatkan pertembungan El Clasico yang bakal berlangsung pada 11 Mei ini boleh mengubah momentum buat kedua-dua pasukan.

"Kita ada El Clasico yang akan berlangsung tidak lama lagi dan anda tahu perlawanan itu sentiasa istimewa. Anda tidak pernah tahu apa yang akan berlaku kerana kita telah menyaksikan pelbagai kejutan sebelum ini," katanya.

Walaupun Atletico Madrid tersingkir daripada Liga Juara-Juara dan Copa del Rey baru-baru ini, Garcia, 46, berkata pasukan itu tidak seharusnya diketepikan sepenuhnya dalam perebutan kejuaraan LaLiga.

Garcia yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Johor Darul Ta'zim yang baru dilantik itu tetap yakin skuad kendalian Diego Simeone itu akan bangkit dan berusaha merapatkan jurang dengan dua pasukan teratas liga.

Mengulas mengenai EA FC 25 Tournament Beat the Best, Garcia berkata kejohanan sulung itu merupakan satu daripada inisiatif untuk menghargai sokongan peminat LaLiga yang begitu bersemangat di Malaysia.

Sementara itu, wakil LaLiga di Malaysia, Adrian Prol berkata mereka gembira untuk menganjurkan acara itu di Malaysia kerana ia merupakan pengalaman unik yang menggabungkan permainan video, peminat bola sepak, teknologi dan hiburan.

Perlawanan akhir yang menampilkan 16 pemain terbaik daripada kejohanan dalam talian itu akan berlangsung di sini, esok, dengan juara berpeluang membawa pulang hadiah wang tunai RM2,500 dan lawatan ke Sepanyol untuk merasai pengalaman LaLiga secara langsung. - ©BERNAMA